

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)

SOALAN 8 (A24)

Nyatakan jenis bantuan atau biasiswa yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar IPTA dan IPTS oleh YPJ. Senaraikan jumlah penerima dan jumlah pemberian bagi setiap jenis bantuan atau biasiswa tersebut daripada tahun 2013 sehingga pertengahan tahun 2020.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Untuk makluman Yang Dipertua dan ahli yang berhormat sekalian, berikut merupakan jenis bantuan atau biasiswa yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar IPTA dan IPTS oleh YPJ daripada tahun 2013 sehingga pertengahan tahun 2020. Berikut merupakan rumusan penerima manfaat bagi bantuan program mahasiswa dan juga bantuan Pendidikan (pinjaman, biasiswa dan bantuan "one-off") :

Tahun	Bantuan Pendidikan		Bantuan Mahasiswa		Jumlah Penerima	RM
	Jumlah Penerima	RM	Jumlah Penerima	RM		
2013	1,864	5.8 Juta	-	-	1,864	5.8 Juta
2014	1,805	7.81 Juta	648	995 Ribu	2,453	8.81 Juta
2015	1,763	6.69 Juta	583	21.21 Juta	2,346	8.9 Juta
2016	3,065	8.705 Juta	1,054	1.61 Juta	4,119	10.3 Juta
2017	2,619	7.69 Juta	1,650	2.35 Juta	4,269	10 Juta
2018	4,128	10.52 Juta	2,582	1.732 Juta	6,710	12.2 Juta
2019	3,357	9.42 Juta	2,821	983 Ribu	6,178	10.4 Juta
2020	-	-	2,465	140 Ribu	2,465	140 Ribu
Jumlah	18,601	56.69 Juta	11,803	10 Juta	30,404	65.8 Juta

Secara keseluruhan, seramai 30,404 orang penerima manfaat (18,601 Bantuan Pendidikan dan 11,803 Bantuan Prog. Mahasiswa) bagi pelajar IPTA dan IPTS 2. Dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM 65.8 juta (56.69 juta Bantuan Pendidikan dan 10 juta Bantuan Prog. Mahasiswa)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)

SOALAN 9 (A143)

erdapat banyak kes kacau ganggu monyet, malah Perhilitan menghadapi masalah kekurangan sangkar perangkap monyet untuk menangkap monyet. Apakah langkah-langkah yang boleh dijalankan untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Jabatan PERHILITAN mempunyai 130 unit perangkap kera yang terdiri daripada 26 unit perangkap bersaiz 8x8x8, 13 unit perangkap bersaiz 4x4x9, 46 unit perangkap corong, 37 unit perangkap jebak dan 8 perangkap pindah. Memandangkan bilangan aduan yang tinggi terutamanya di Daerah Batu Pahat, Mersing dan Johor Bahru, pihak Jabatan PERHILITAN terpaksa membuat sistem penggiliran penggunaan perangkap berdasarkan tempoh masa yang telah ditetapkan. Pihak jabatan juga memberi keutamaan penggiliran kepada kawasan *hotspot* yang serius.

Bagi mengatasi masalah kekurangan perangkap monyet yang dimaksudkan, pihak Jabatan PERHILITAN telah mencadangkan agar peruntukan Belanjawan Negeri Johor 2021 berjumlah RM500,000 diperuntukkan bagi memenuhi permintaan di 10 daerah di dalam Negeri Johor. Selain itu, pihak jabatan amat menggalakkan pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi berkaitan atau individu untuk membina sendiri perangkap kera mengikut spesifikasi standard yang disediakan. Selain itu perangkap-perangkap ini akan diuruskan oleh komuniti setempat dan memaklumkan kepada jabatan jika ada tangkapan kera berjaya dibuat untuk diambil tindakan susulan. Untuk rekod sehingga kini, sebanyak 19 buah perangkap corong dan 60 buah perangkap besar telah dibina dengan kerjasama komuniti di seluruh Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 10 (A160)**

Apakah tindakan atau inisiatif kerajaan dalam menangani gajah, monyet dan hidupan liar lainnya yang kerap mengganggu tanaman dan masyarakat kampung?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Jabatan PERHILITAN memberi perhatian yang serius ke atas aduan gangguan hidupan liar yang berlaku di Negeri Johor. Tindakan yang diambil oleh jabatan adalah bergantung kepada spesies hidupan liar yang menyebabkan kacau ganggu, tempat dan situasi konflik. Beberapa langkah jangka pendek telah dijalankan bagi mengurangkan impak gangguan hidupan liar adalah seperti berikut:

- i. Menjalankan rondaan dan pemantauan secara berkala serta pemasangan perangkap di lokasi konflik;
- ii. Tindakan tembak halau dijalankan di kawasan gangguan berhampiran dengan kawasan hutan di mana tembakan akan dilepaskan ke udara bagi menakutkan dan seterusnya memaksa hidupan liar berkenaan masuk semula ke dalam hutan;
- iii. Kaedah tangkap pindah pula dijalankan dengan menangkap hidupan liar di kawasan yang bermasalah dan memindahkannya ke satu habitat baru yang lebih sesuai;
- iv. Menjalankan kaedah tembak mati bagi hidupan liar yang mengancam keselamatan penduduk atau apabila tiada tindakan lain lagi yang difikirkan sesuai. Kaedah ini juga dijalankan bagi mengurangkan populasi spesies hidupan liar di kawasan yang mengalami gangguan yang serius; dan
- v. Memberi khidmat nasihat, mengadakan program kesedaran awam, dialog dan perbincangan bersama masyarakat setempat bertujuan memberi kesedaran dan kefahaman penduduk dalam pengurusan konflik hidupan liar dan kaedah pengurusan kebun yang terbaik terutama bagi kawasan yang bersempadan dengan kawasan hutan.

Untuk makluman sidang dewan yang mulia ini, Jabatan PERHILITAN juga telah menjalankan tindakan jangka panjang bagi mengurangkan gangguan konflik hidupan liar seperti berikut:

- i. Menubuhkan Santuari Gajah Johor (JES) sebagai pusat konservasi gajah di Negeri Johor dan juga menyediakan padang ragut khusus untuk populasi gajah di Hutan Simpan Kekal Panti yang bertujuan mengurangkan konflik manusia-gajah di kawasan berhampiran;
- ii. Memasang kolar satelit gajah bagi mengesan pergerakan kumpulan gajah yang turut berfungsi sebagai sistem amaran awal (early warning system) untuk tindakan awal diambil;

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

- iii. Menggunakan teknologi dron bagi memantau pergerakan kumpulan gajah yang sering menimbulkan konflik di dalam Negeri Johor;
- iv. Membina jajaran Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) di Kg. Seri Lukut, Kluang sepanjang 17.8km, SPEG Kg. Tenang, Labis sepanjang 21km dan SPEG Kg. Mawai, Kota Tinggi sepanjang 15 km dengan kos keseluruhan sebanyak RM2.7juta;
- v. Memasang sebanyak 54 unit papan-papan tanda di kawasan lintasan hidupan liar di jajaran jalanraya utama di dalam negeri Johor bagi mengurangkan risiko kemalangan dengan hidupan liar serta di kawasan habitat yang mempunyai populasi buaya bagi mengelakkan serangan buaya;
- vi. Menjalankan program pengkayaan habitat dengan mewujudkan padang ragut dan jenut-jenut tiruan; serta
- vii. Menjalinkan kerjasama dengan pihak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk program konservasi hidupan liar di kawasan Central Forest Spine (CFS) di dalam negeri Johor.

Orang awam adalah dinasihatkan tidak mengambil tindakan sendiri kerana dikhuatiri akan membahayakan keselamatan diri. Tindakan seperti memprovokasi hidupan liar boleh menyebabkan berlakunya serangan ke atas manusia. Pihak Jabatan menggalakkan pekebun atau pihak ladang untuk mengambil langkah-langkah mitigasi (atas nasihat Jabatan) seperti pembinaan pagar elektrik, parit gajah dan pemasangan perangkap komuniti bagi mengurangkan kesan gangguan hidupan liar ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 11 (A111)**

Mohon penjelasan, mengapakah ada tanah-tanah wakaf Majlis Agama Islam Johor di daerah Tangkak khususnya yang diuruskan oleh individu/syarikat luar daerah sehingga ia menjadi antara punca tanah-tanah tersebut terbiar dan tidak terurus?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Terdapat dua situasi tanah-tanah wakaf yang diusahakan iaitu:

- i) Tapak yang disewakan tidak diurus dengan baik oleh pihak pengusaha.
- ii) Terdapat tapak wakaf yang diusahakan namun tidak mendapat kelulusan secara sah melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor seperti tapak-tapak yang diusahakan oleh pihak jawatankuasa Masjid, Kubur atau penduduk kampung. Berlakunya pencerobohan tapak wakaf walaupun pemakluman telah dibuat menerusi pertemuan-pertemuan bersama jawatankuasa masjid dan ketua-ketua kampung supaya mana-mana tanah wakaf yang diusahakan tanpa kebenaran pihak MAINJ perlu dimohon bagi membolehkan perjanjian yang sah dibuat.

Bagi penyewa yang telah mendapat kelulusan daripada pihak MAINJ, penyewa hendaklah mengikut segala syarat-syarat yang telah ditetapkan. Antaranya ialah:

- i) Penyewa bertanggungjawab menjaga keselamatan kawasan tersebut daripada pencerobohan dan sebagainya dan Majlis tidak boleh dilibatkan sebagai penyebab kemungkinan kejadian yang disebabkan oleh pencerobohan.
- ii) Tidak dibenarkan menyewakan atau mencagarkan tapak wakaf kepada pihak lain.
- iii) Dilarang membina atau menyimpan sesuatu yang dilarang oleh undang-undang dan syara'.
- iv) Penyewa hendaklah menjaga kebersihan dan kesucian tapak wakaf tersebut daripada perkara-perkara yang ditegah oleh syara' dan undang-undang.
- v) Pihak MAINJ akan mengeluarkan notis bagi tempoh 60 hari untuk pembatalan kontrak penyewaan sekiranya didapati ada penyewa yang melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Merujuk kepada soalan YB, dalam kawasan DUN Serom terdapat 2 tapak wakaf yang telah disewakan dan 2 lagi dalam proses mendapatkan kelulusan pihak MAINJ. Dari semakan yang dibuat pengusaha keempat-empat permohonan ini adalah daripada daerah Tangkak.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Bagi permohonan sewa yang telah mendapat kelulusan butirannya adalah seperti berikut:

- i) Tapak kubur Kampung Belemang
Tanaman pokok kelapa sawit dan pokok Gaharu daripada Syarikat Zuham Bakti Resources daripada Parit Simpang Kundang Ulu. Kelulusan adalah pengusaha 50% , jawatankuasa Kubur 30% dan MAINJ 20%.
- ii) Tapak wakaf am kampung Serom 1
Tanaman pisang yang diusahakan oleh penyewa individu iaitu Encik Nasrul bin Anuar daripada Serom 1. Nilai sewaan adalah RM 1,100.00 setahun.

Bagi permohonan sewaan yang masih dalam proses kelulusan adalah:

- i) Tapak Kubur Serom 1
Permohonan daripada Impian NSNN Enterprise yang ingin mengusahakan tanaman kelapa sawit dengan nilai sewaan daripada JPPH adalah RM 280.00 sebulan.
- ii) Tapak Kubur Kampung Belemang Tengah
Permohonan daripada Encik Mohd Said bin Hassan yang ingin mengusahakan tanaman pokok pisang dengan nilai sewaan daripada JPPH RM 50.00 sebulan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 12 (A69)**

Di dalam kawasan DUN Tanjung Surat telah siap dibina 3 buah balai Bomba. Apakah balai-balai Bomba ini cukup anggota dan kelengkapan logistik?.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan YB Tanjung Surat atas beliau berhubung isu keselamatan dan kecemasan dalam kawasannya. Untuk makluman YB, dalam kawasan DUN Tanjung Surat ini telah siap dibina tiga buah balai bomba dan balai-balai ini telah mula beroperasi seperti tarikh berikut:

1. Balai Bomba Dan Penyelamat **Punggai** pada **01 September 2019**
2. Balai Bomba Dan Penyelamat **Sebana Cove** pada **01 Januari 2020**
3. Balai Bomba Dan Penyelamat **Sungai Rengit** pada **01 Januari 2020**

Berhubung status kesiapsiagaan keanggotaan dan kelengkapan logistik bagi balai-balai ini pula adalah seperti berikut :

1. Balai Bomba dan Penyelamat Malaysia Punggai : Jumlah keanggotaan mencukupi (21 anggota) dan dilengkapi dengan 1 buah jentera Fire Rescue Tender (FRT) bagi memenuhi satu norma keluaran dalam bertindak menghadiri satu-satu panggilan kecemasan.
2. Balai Bomba Dan Penyelamat Sebana Cove : Jumlah keanggotaan mencukupi (24 anggota). Balai ini dilengkapi dengan 1 buah jentera Fire Rescue Tender (FRT) dan 1 buah Foam Tender bagi memenuhi satu norma keluaran dalam bertindak menghadiri satu-satu panggilan kecemasan.
3. Balai Bomba Dan Penyelamat Sungai Rengit : Jumlah keanggotaan mencukupi (32 anggota). Balai ini dilengkapi dengan 1 buah jentera Fire Rescue Tender (FRT), 1 buah Foam Tender dan 1 buah Aerial Ladder Platform (ALP) bagi memenuhi satu norma keluaran dalam bertindak menghadiri satu-satu panggilan kecemasan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)
SOALAN 13 (A117)**

Nyatakan berapa jumlah peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan untuk kerja-kerja penyelenggaraan sistem pengairan di kawasan Johor Barat dan nyatakan projek yang sedang dijalankan.

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Kerja penyelenggaraan di kawasan Johor Barat adalah melibatkan sistem saliran dan bukannya sistem pengairan. Kawasan Johor Barat meliputi 3 daerah iaitu Batu Pahat, Pontian dan Muar. Panjang saliran (atau parit-parit) melebihi 4,900 kilometer (km) iaitu 2,695 km di Batu Pahat, 1,375 km di Pontian dan 845 km di Muar.

Kerja-kerja penyelenggaraan yang dilakukan sebahagian besarnya dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Ada juga kerja dijalankan dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan tetapi tiada peruntukan khas yang ditetapkan. Kemampuan peruntukan yang ada tidak mencukupi untuk menjalankan penyelenggaraan yang kerap atau mengikut rutin tetap kerana saliran yang panjang dan bilangan yang banyak.

Pada tahun 2020, sebanyak RM 5.94 Juta peruntukan diterima dari Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Johor untuk mengurangkan banjir. Daripada jumlah ini, sebanyak RM1.8 Juta telah diagihkan ke kawasan Johor Barat dengan pelaksanaan tujuh (7) projek iaitu:-

Bil	Senarai Projek
1.	Penyelenggaraan Sg Sembrong dari Flood Regulating Outlet (FRO) Empangan Sembrong Ke Downstream (sepanjang 11 Kilometer) di Ayer Hitam, Batu Pahat.
2.	Penyelenggaraan Sungai Ayer Hitam Di Mukim Pontian, Pontian
3.	Penyelenggaraan Sungai Pontian Kecil Di Mukim Rimba Terjun, Pontian
4.	Penyelenggaraan Parit Tengah, Skim Saliran Sarang Buaya, Muar
5.	Penstabilan Tebing Di Sungai Muar, Mukim Bukit Kepong, Muar
6.	Penyelenggaraan Benut High Level Drain (BHLN) di Mukim Benut, Pontian
7.	Membersih Sg. Perpat, Batu Pahat

Penyelenggaraan lain yang dijalankan adalah dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Walaupun masih banyak tempat yang perlu dilakukan penyelenggaraan, kerja perlu ditangguhkan dahulu ke masa hadapan kerana kemampuan kewangan tidak mengizinkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 14 (A90)**

Berapakah jumlah yang diperuntukkan kepada anak Johor memasuki universiti pada tahun ini?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, berikut merupakan jumlah yang diperuntukkan kepada anak Johor memasuki universiti pada tahun ini iaitu:-

1. Pinjaman Pelajaran Baru tahun 2020 : RM 1.5 juta (350 pelajar)
2. Pinjaman Pelajar yang Sedia Ada tahun 2020 : RM 15.5 juta (2,294 pelajar)
3. Bantuan Pendaftaran (One-Off) : RM 1.5 juta (2,000 pelajar)

Jumlah keseluruhan yang diperuntukkan sepanjang tahun 2020 bagi pinjaman pelajaran baru dan sedia ada serta bantuan pendaftaran adalah sebanyak RM 18.5 juta dengan anggaran penerima manfaat seramai 4,644 pelajar

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)
SOALAN 15 (A16)**

Apakah status terkini Selekoh S di Batu 24 Kulai yang sehingga hari ini masih belum siap padahal sudah lama pembinaan ini patut siap dan diselesaikan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Batu,

Status terkini bagi pembinaan Selekoh S di Batu 24 Kulai adalah berada di tahap 92% berbanding 100% jadual sebenar bagi kemajuan kerja di tapak.

Pada masa kini, kontraktor menjalankan kerja dalam tempoh berdenda (LAD) iaitu RM1,448.00 sehari. Status kerja di tapak ialah lapisan binder dan ia telah disiapkan. Manakala bagi kerja-kerja lapisan wearing akan dijalankan apabila kerja-kerja pemasangan 'concrete barrier' disiapkan pada median jalan.

Kerja-kerja di tapak berbaki adalah lapisan wearing premix, perabot jalan, lampu jalan, pengalihan utiliti SAJ dan longkang. Kontraktor mensasarkan projek ini akan disiapkan selewat-lewatnya pada 31/12/2020 iaitu penghujung tahun semasa.

Sehubungan itu, JKR Daerah Kulai telah mengeluarkan 5 surat amaran bertarikh:-

- 1) Amaran 1: 4 September 2018
- 2) Amaran 2: 12 Februari 2019
- 3) Amaran 3: 13 Mei 2019
- 4) Amaran 4: 13 Julai 2020
- 5) Amaran 5: 19 Julai 2020

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 16 (A156)**

Apakah tindakan terhadap Ahli Jawatankuasa Masjid yang gagal melaksanakan peranan mereka dan menyebabkan pengurusan masjid terabai dan masjid tidak berfungsi seperti yang sepatutnya?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Jawatankuasa Pengurusan Kariah Masjid Dan Surau Negeri Johor bagi sesi 2020 hingga 2022 (tempoh 3 tahun) telah dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor, seterusnya telah di Sembah Maklum kepada DYMM Sultan Johor.

Pelantikan Jawatankuasa Pengurusan Kariah Masjid dan Surau Negeri Johor sesi 2020 hingga 2022, terdapat jawatankuasa yang baru dilantik dan terdapat juga jawatankuasa yang disambung pelantikannya oleh Majlis.

Pejabat Kadi Daerah- Daerah telah menjalankan sesi taklimat kepada semua jawatankuasa yang telah dilantik.

Untuk tahun pertama pelantikan 2020, ia merupakan fasa bimbingan kepada jawatankuasa tersebut. Seterusnya fasa pemantaun oleh Pejabat Kadi Daerah.

Fasa ini dibimbing oleh Penggerak- Penggerak Masjid dan Surau yang ditempatkan mengikut DUN masing- masing sebagai fasilitator. Di samping itu, Imam Daerah selaku ketua Unit Pengurusan Masjid dan Surau di Pejabat Kadi Daerah bersama Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah melaksanakan pemantaun.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 17 (A174)**

Apakah tindakan kerajaan dalam mengatasi masalah gangguan gajah liar terhadap tanaman penduduk di daerah Mersing?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Kumpulan Gajah Jemaluang yang dianggarkan sebanyak 20-30 ekor sering berkeliaran di kawasan pertanian di dalam Daerah Mersing bagi mencari makanan. Mengikut rekod, bermula Januari sehingga Ogos 2020, pihak Jabatan PERHILITAN Daerah Mersing telah menerima sebanyak 23 aduan dan 38 aduan susulan gangguan gajah.

Bagi mengatasi masalah gangguan gajah ini, pihak Jabatan PERHILITAN telah mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- i. Menjalankan rondaan, pemantauan dan tembak halau di kawasan *hotspot* konflik yang berhampiran dengan hutan. Mengikut rekod jabatan, sebanyak 61 tindakan rondaan dan pemantauan telah dijalankan di 39 lokasi aduan sepanjang tahun ini;
- ii. Sebanyak dua operasi tangkapan gajah telah dijalankan pada tahun ini di mana seekor gajah jantan konflik telah berjaya ditangkap di kawasan FELDA Nitar pada 12 Julai 2020 dan dipindahkan ke Taman Negeri Endau-Rompin;
- iii. Memasang dua unit kolar satelit gajah yang berfungsi sebagai Sistem Amaran Awal dan menggunakan dron untuk memantau pergerakan kumpulan gajah yang sering menimbulkan konflik di Daerah Mersing;
- iv. Mengadakan program kesedaran awam secara berkala bersama penduduk kampung terlibat meliputi sesi dialog dan perbincangan bersama masyarakat; dan
- v. Memberi khidmat nasihat kepada pemilik kebun yang mempunyai Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) supaya memastikan penyelenggaraan dilakukan secara teratur bagi memastikan SPEG tersebut berkesan.

Jabatan PERHILITAN akan terus memantau populasi gajah yang berkenaan di mana operasi tangkapan gajah akan dijalankan jika perlu.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI (PALOH)
SOALAN 18 (A85)**

Mohon nyatakan perkembangan terkini infrastruktur SUKMA XX Johor 2020 dan juga persediaan atlet-atlet khususnya di musim pandemik Covid-19.

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Sejumlah 32 acara sukan akan dipertandingkan pada Sukma 2020 nanti dengan 16 daripadanya adalah sukan wajib, 15 sukan pilihan dan satu sukan demonstrasi iaitu silambam. Sukma 2020 akan dilangsungkan di tiga daerah iaitu Johor Bahru, Muar dan Kota Tinggi. Johor Bahru akan menganjurkan 28 jenis sukan manakala Muar pula akan menjadi tuan rumah buat tiga sukan (kenu, angkat berat dan silambam) dan baki dua lagi sukan akan dilangsungkan di Kota Tinggi (pelayaran dan berbasikal lebuhraya).

Seperti yang sedia maklum, SUKMA XX Johor 2020 sepatutnya berlangsung pada bulan Julai 2020 dan PARA SUKMA XX 2020 pula berlangsung pada bulan Ogos 2020 ini. Oleh itu, kesemua venue sukan sepatutnya sudah siap sepenuhnya pada penghujung Mei 2020. Namun, arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 telah menyebabkan segala aktiviti di tapak bina sama ada di venue baru, naik taraf dan penyelenggaraan telah dihentikan operasinya. Tarikh baru bagi SUKMA XX Johor 2020 adalah pada April 2021 yang akan diputuskan oleh **Jawatankuasa Tertinggi SUKMA**. Sehingga ke hari ini, secara puratanya, progress kemajuan bagi 39 venue sukan telah mencapai 97% siap. Sebagai contoh, mercu tanda baharu sukan Johor, Velodrom Johor yang terletak di Iskandar Puteri, kini sudah siap 97.59 peratus selepas pembinaannya bermula pada 28 Februari 2019 lalu.

Bagi persediaan atlet-atlet pula :

1. Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ) kita telah kembali memulakan latihan sejak 15 Jun 2020 seperti arahan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang mana semua sukan perlu mematuhi SOP yang ditetapkan. Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ) amat yakin dengan pematuhan SOP ini, para atlet dan pegawai yang terlibat secara langsung dapat meneruskan latihan setelah hampir 3 bulan melakukan aktiviti/latihan secara individu dirumah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Jika dilihat kurang daripada 10 bulan para atlet perlu mempersiapkan diri mereka untuk menghadapi Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XX, Johor 2020 yang dijangka akan berlangsung pada April 2021. Oleh yang demikian, pihak Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ) sedang giat memantau latihan serta meningkatkan prestasi para atlet untuk memastikan mereka berada pada tahap yang terbaik semasa temasya ini berlangsung. Johor akan menghantar sebanyak 839 atlet pada SUKMA XX Johor 2020.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

2. Pematuhan SOP terus dipatuhi agar keselamatan serta kesihatan para atlet dan jurulatih berada pada keadaan yang selamat daripada dijangkiti virus tersebut. Pihak Majlis Sukan Negeri Johor juga menjalankan pemeriksaan suhu dan sanitasi di semua pusat latihan dan asrama penginapan atlet yang menjalani latihan secara sepenuh masa/separuh masa.
3. Unit Atlet dan Sains Sukan pula bertanggungjawab dalam memantau prestasi atlet-atlet tersebut dengan memastikan tahap kesiapsiagaan mental dan fizikal para atlet di tahap yang terbaik.
4. Pihak Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ) juga telah menjalankan kerjasama dengan pihak Institut Sukan Negera (ISN) bagi membantu para atlet untuk memastikan mereka berada pada tahap yang dikehendaki sebelum bermulanya temasya tersebut. Ini merupakan satu kerjasama yang tidak pernah dilaksanakan oleh negeri-negeri lain yang mana Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ) melihat kepakaran yang ada dapat digunakan dalam membantu meningkatkan prestasi para atlet negeri Johor.
5. Latihan secara konsisten terus dilaksanakan dengan mengambil kira sukan-sukan yang berpotensi dalam menyumbang pingat bagi kontinjen negeri Johor.

Segala usaha yang dilakukan adalah bertujuan untuk memastikan kontinjen Johor mendapat pungutan pingat semaksimum mungkin pada SUKMA kali ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)
SOALAN 19 (A134)**

Kadar pengangguran pasca COVID-19 adalah pada 173,000 sehingga 200,000 untuk Negeri Johor. Apakah insentif daripada pihak berkuasa IRDA contohnya untuk menangani masalah pengangguran?

JAWAPAN YB TUAN MOHD IZHAR BIN AHMAD

Pelbagai tindakan pro-aktif serta inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menangani masalah pengangguran rakyat tempatan dan ini termasuk individu yang diberhentikan bekerja oleh majikan di Singapura. Kerajaan melalui IRDA dan pelbagai agensi lain berkaitan sentiasa memberi ruang dan peluang kepada individu yang memerlukan untuk meningkatkan kebolehan masing-masing dalam bidang keusahawanan mahupun kemahiran. Kerajaan secara dasarnya sentiasa berusaha mempelbagaikan program dan inisiatif untuk meningkatkan kebolehpasaran dan kemahiran termasuk dalam bidang keusahawanan tenaga kerja tempatan. Program dan inisiatif sedia ada diyakini boleh dilaksanakan secara khusus di Iskandar Malaysia bagi menangani masalah pengangguran di koridor ekonomi ini.

Sebagai contoh, program Iskandar Malaysia Employment Grant (IMEG) yang telah dilaksanakan bermula tahun 2016 sehingga kini membuka peluang kepada pelbagai kategori kumpulan sasar untuk peluang pekerjaan di Iskandar Malaysia termasuk warga tempatan yang telah diberhentikan kerja di Singapura. Usaha bagi memperkasa dan memperluaskan program ini terus dilakukan dari masa ke semasa. Untuk makluman, pihak IRDA telah memohon peruntukan tambahan sebanyak RM3 JUTA daripada Kementerian Kewangan di bawah PENJANA dan masih menunggu keputusan Kementerian berhubung perkara berkenaan.

Ingin dikongsikan juga bahawa IMEG adalah satu inisiatif bagi menggalakkan industri memberi peluang pekerjaan kepada golongan sasar yang telah dikenalpasti, terutama golongan tercicir. Golongan sasar yang dimaksudkan adalah graduan yang tidak bekerja, pekerja yang diberhentikan kerja (retrenched), graduan TVET sektor teknikal dan sektor perkhidmatan, graduan kemahiran terhad atau "dropouts" dan tidak mempunyai kelulusan, wanita, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan juga pesara.

Inisiatif ini menggunakan kaedah berupa bantuan sebanyak 50% bayaran gaji pekerja selama 6 bulan, geran maksimum sebanyak RM2,500 sebulan untuk setiap pekerja yang diambil oleh majikan. Pelaksanaan program ini dapat membantu rakyat mendapat pekerjaan dengan lebih mudah. Selain geran berbentuk gaji, IRDA juga memberi geran latihan sekali bayaran bersamaan sebulan geran gaji yang diluluskan supaya pekerja yang diambil itu dapat menjalani latihan peningkatan kemahiran semasa bekerja di dalam industri. Geran ini disediakan untuk semua rakyat tempatan dari semua bangsa dan agama, dan dari pelbagai Industri di Iskandar Malaysia.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 20 (A71)**

Berapa banyak rumah-rumah siap yang tidak terjual mengikut kategori dan harga? Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah tersebut di negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Laporan Hartanah Tidak Terjual bagi kategori kediaman untuk suku tahun pertama tahun 2020 dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) adalah sebagaimana berikut :

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	KATEGORI	BILANGAN UNIT	JUMLAH
1	Bertanah	<i>Single Storey Terrace</i>	169	3,337
		<i>2 - 3 Storey Terrace</i>	2,086	
		<i>Single Storey Semi-Detach</i>	76	
		<i>2 - 3 Storey Semi-Detach</i>	553	
		<i>Detach</i>	160	
		<i>Cluster</i>	273	
		<i>Low-Cost House</i>	20	
2	Strata	<i>Town House</i>	288	2,131
		<i>Low-Cost Flat</i>	58	
		<i>Flat</i>	74	
		<i>Condominium / Apartment</i>	1,711	
JUMLAH				5,468

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 21 (A96)**

Pembinaan lebuh raya timur-barat Johor Tengah yang menyambung Batu Pahat, Kluang dan Mersing boleh wujudkan lingkungan kehidupan ekonomi baru. Apakah rancangan untuk pembinaan lebuh raya baru atau menaiktaraf jalan raya yang sedia ada dari Batu Pahat ke Mersing?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Buat masa ini Kerajaan masih belum ada perancangan untuk membina lebuh raya baru timur-barat Johor Tengah yang menyambung Batu Pahat, Kluang dan Mersing daripada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun Pihak JKR Negeri Johor telah menyenaraikan bagi melaksanakan kerja menaiktaraf laluan sediada iaitu FT 050 (Batu Pahat - Kluang - Mersing) yang mana sebahagiannya telah diluluskan di dalam RMK11 di bawah Cadangan Membina Median, Pusingan U dan Kerja Berkaitan dari Km 21 hingga Km 35 (Fasa3A). Manakala sebahagian laluan FT050 telah disenaraikan dalam permohonan projek di bawah RMK12.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN 22 (A140)**

Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi impak penyakit COVID 19 yang dijangka akan membawa impak kepada Tahun Melawat Malaysia?

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengumumkan pembatalan Tahun Melawat Malaysia 18 Mac 2020. Manakala Tahun Melawat Johor 2020 kini dilanjutkan sehingga tahun 2022, seperti yang telah diumumkan oleh YAB Menteri Besar pada 14 Jun 2020.

Oleh itu, Kerajaan Negeri tidak terkecuali mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan tiada kluster baharu yang wujud di tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Permulaan (PKPP). Tourism Johor dengan kerjasama MOTAC, Tourism Malaysia Wilayah Selatan serta IRDA telah menganjurkan sesi libat urus bersama penggiat industri pelancongan negeri Johor.

Melalui sesi libat urus tersebut, antara cadangan yang diambil kira adalah mewujudkan Johor Tourism Safety Standard (JTSS). Ini antara langkah penting untuk mengembalikan keyakinan pelancong pasca COVID19 untuk berkunjung dan menginap di hotel-hotel yang ada di setiap daerah.

Walaupun sedikit kelonggaran telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), namun penjagaan kebersihan & kualiti oleh pengusaha produk tetap dipantau.

Johor Tourism Safety Standard (JTSS)

JTSS merupakan medium bagi Kerajaan Negeri memperakukan produk pelancongan yang mematuhi SOP yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Bengkel JTSS juga telah dianjurkan bersama ahli Malaysian Association of Hotels (MAH) dan Malaysia Budget Hotel Association (MyBHA) yang bertujuan untuk melatih kakitangan hotel berkaitan pengendalian, pencegahan dan penjagaan wabak/penyakit mengikut saranan kerajaan bagi mengembalikan keyakinan pelancong untuk menginap di Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI (PALOH)
SOALAN 23 (A87)**

Mohon nyatakan inisiatif kerajaan negeri dalam membantu meningkatkan pendapatan dalam kalangan usahawan khususnya dari golongan anak muda.

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)
SOALAN 24 (A99)**

Berapa ramai usahawan yang terjejas perusahaan mereka disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia (PKP) 2020 dan apakah usaha kerajaan negeri membantu mereka?

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 25 (A157)**

Senaraikan skim bantuan yang sedia ada dan bakal diadakan oleh Kerajaan Negeri Johor agar dapat membantu para usahawan terutama usahawan industri kecil yang majoriti terkesan dengan pandemik Covid-19?

**JAWAPAN YB TUAN MOHD IZHAR BIN AHMAD
(Jawapan bersekali untuk soalan A87, A99 & A157)**

Izinkan saya menjawab soalan YB Paloh, YB Kemelah dan YB Pasir Raja bersekali kerana ia berkait.

Berhubung isu usahawan yang terjejas. Kemunculan Pandemik COVID-19 menjadi risiko kepada perniagaan tidak pernah dijangka oleh ramai usahawan. Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disusuli Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dikuatkuasakan bagi membendung penularan pandemik itu telah menyebabkan beberapa sektor perniagaan terpaksa berhenti dari beroperasi kerana tidak mampu untuk terus menanggung risiko kerugian.

Bagi pemilik perniagaan, antara objektif perlu dicapai dalam tempoh hibernisasi adalah memastikan status perniagaan dapat dikekalkan walaupun operasi perniagaan terganggu dan terjejas. Antara cabaran besar yang dihadapi adalah keperluan membayar hutang pembekal dan sewa premis selain perlu memenuhi tanggungjawab mengekalkan pekerja.

Dianggarkan sejumlah 170,000 usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), mikro dan koperasi seluruh negara terjejas dan terkesan teruk ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana wabak koronavirus (COVID-19). Jumlah

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

itu meliputi 20 peratus daripada kira-kira 850,000 PKS seluruh negara menurut hasil kajian oleh SME Corp dan jumlah itu juga turut dijangka akan melakukan pertukaran jenis perniagaan kepada yang lebih bersesuaian.

Pelbagai Inisiatif telah dilancarkan melalui insentif-insentif yang ditawarkan oleh kerajaan negeri dan pusat bagi membantu usahawan-usahawan yang terjejas teruk susulan Pandemik COVID-19. Kerajaan negeri Johor khususnya menerusi PUJB telah melaksanakan pelbagai program pembangunan usahawan seperti latihan, bantuan geran, padanan perniagaan dan lain-lain di mana program-program ini telah memberi manfaat kepada hampir 20,000 usahawan di negeri Johor dengan pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Pasca COVID-19 bagi tahun 2020 yang memberi fokus dengan meningkatkan pendapatan. Antara inisiatif atau program yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

A) Program Peruncitan Barangan Cenderahati Sukma Xx Johor 2020
Program ini memberi peluang kepada usahawan terutama golongan muda untuk terlibat dalam menjadi penjual rasmi produk SUKMA XX Johor 2020.

B) Johor E-Marketplace
Johor E-Marketplace akan berlangsung dari 9 Ogos hingga 31 Disember 2020 dan merupakan sebuah laman mikro khas yang akan menampilkan puluhan ribu produk hasil buatan peniaga Johor dalam pelbagai kategori seperti makanan ringan, fesyen serta peralatan rumah.

Johor E-Marketplace juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Johor dalam membantu golongan usahawan untuk terus maju menerusi perniagaan secara dalam talian, terutamanya semasa menghadapi cabaran pasca COVID-19. Usaha ini bakal memberi manfaat kepada lebih 3,000 usahawan di negeri ini serta jutaan pengguna platform e-dagang Shopee.

C) Program 3 P(Pemulihan, Pemerksaan dan Peningkatan)
Bantuan Foodtruck. Bantuan dalam bentuk bimbingan, latihan dan geran sebanyak RM 3,000 ini diberikan kepada usahawan yang sedang menjalankan perniagaan dan bersedia untuk memulakan perniagaan melalui Foodtruck. Program ini mensasarkan seramai 250 usahawan Foodtruck

D) Geran Orang Lokal (GOL)
Program GOL 2.0 adalah sepenuhnya milik Kerajaan Negeri Johor dan dilaksanakan oleh Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB). Nilai bantuan adalah sehingga RM 10,000.00 dan bantuan dalam bentuk mesin dan peralatan. Bantuan ini boleh dimohon oleh usahawan bertaraf mikro sahaja. Kluster perniagaan yang layak mohon adalah Jahitan, Automotif, Gunting Rambut, Spa dan Kecantikan, Pendidikan dan Percetakan. Menerusi program ini ia memberi manfaat kepada lebih 200 usahawan yang layak.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Kerajaan Persekutuan turut menzahirkan keprihatinan terhadap kemaslahatan ini menerusi pengumuman Lanjutan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), kerajaan telah menyediakan pakej khas merangsang perniagaan iaitu Pakej PRIHATIN PKS. Ia bertujuan membantu usahawan disamping dapat mengekalkan pekerja. Bagi mendapatkan bantuan itu, usahawan perlu memenuhi kriteria asas iaitu sudah mendaftar perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan mendaftar perniagaan serta pekerja untuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Bagi usahawan yang pernah memohon bantuan kewangan daripada agensi kewangan kerajaan sebelum PKP, mereka dibenarkan membuat penangguhan bayaran bulanan. Bank dan institusi kewangan juga digalakkan menawarkan penangguhan bayaran sewa beli untuk pinjaman usahawan.

Dalam Pakej PRIHATIN PKS, kerajaan melonggarkan bayaran sewa tapak perniagaan di premis kerajaan. Namun, bagi peniaga yang tidak mempunyai tapak perniagaan sendiri dan terpaksa menyewa di premis persendirian, budi bicara tuan premis untuk menangguhkan bayaran amat diharapkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)
SOALAN 26 (A116)**

Nyatakan berapa projek Rumah Asnaf MAIJ yang terbengkalai diserahkan pada Pejabat Daerah untuk disiapkan serta berapa kos tambahan yang diperuntukkan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Sebanyak 37 buah rumah bantuan MAINJ masih tidak dapat dibina sehingga tahun 2020 disebabkan pelbagai isu yang berlaku dan di antara permasalahan tersebut ialah :

1. Tidak banyak kontraktor yang bersedia menawarkan diri untuk melaksanakan pembinaan rumah pada harga RM42,000.00.
2. Terdapat kontraktor yang dilantik menarik diri selepas menerima tawaran dengan alasan harga yang rendah.

Sebagai langkah menyelesaikan perkara tersebut, MAINJ telah menaikkan kadar pembinaan rumah kepada harga baru RM 65,000.00 bagi sebuah rumah berbanding RM 42,000.00 pada kelulusan asal. MAINJ juga telah mengadakan perbincangan bersama Pejabat Daerah melalui Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor di mana Pejabat Daerah bersetuju untuk melaksanakan pembinaan rumah-rumah tersebut melalui dana yang disalurkan oleh MAINJ ke Pejabat Daerah. Kos 37 buah rumah ini bernilai RM 2,794,000.00 meliputi daerah-daerah berikut :

1. Batu Pahat - 10 buah
2. Muar - 6 buah
3. Mersing - 17 buah
4. Tangkak - 4 buah

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)
SOALAN 27 (A133)**

Apakah kriteria dan kaedah pelaksanaan bantuan tunai mahasiswa yang tinggal di asrama IPTA di Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Untuk makluman Yang Dipertua dan ahli yang berhormat sekalian, Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pelajaran Johor YPJ telah memperuntukan **(2) dua jenis bantuan** berbentuk (One-Off) bagi tahun 2020 khas buat anak Johor yang menuntut di IPTA dan IPTS terpilih dan akan dikreditkan terus ke akaun pelajar. Diantaranya ialah:

1. Bantuan Pendaftaran

Bantuan dalam meringankan yuran pendaftaran kepada pelajar yang melanjutkan pengajian ke IPTA dan IPTS terpilih

Berikut merupakan kriteria dan kaedah pelaksanaan bantuan tunai mahasiswa yang tinggal di asrama IPTA di Johor.

Kriteria Bantuan Pendaftaran

1. Pemohon lahir dan menetap di Negeri Johor
2. Permohonan terbuka kepada pelajar tahun 1 (semester pertama) Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang melanjutkan pengajian ke IPTA dan IPTS terpilih (Kolej YPJ, EDUCITY & Marsah)
3. Pemohon telah mendapat surat tawaran dari Institusi Pengajian Tinggi.
4. Tempoh kursus yang diikuti adalah mengambil masa setahun atau lebih.
5. Pendapatan Ibu DAN bapa / Penjaga tidak melebihi RM 4,000.00 sebulan dan RM 4,001 hingga RM 5,000 sebulan dengan jumlah tanggungan melebihi 5 orang dan ke atas.
6. Keutamaan akan diberikan kepada jumlah per kapita (jumlah pendapatan isi rumah / jum. tanggungan) yang paling minima.
7. Pemohon hanya layak menerima bantuan pendaftaran sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.
8. Pemohon tidak menerima apa-apa bantuan pendaftaran dari agensi-agensi lain.
9. Permohonan bantuan adalah tertakluk kepada syarat serta kelulusan pengurus besar YPJ.
10. Kadar Bantuan adalah :
 - Diploma : RM 500
 - Ijazah Sarjana Muda : RM 1,000

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Kaedah pelaksanaan Bantuan Pendaftaran

1. Pelajar membuat permohonan online.
2. Dokumen sokongan dihantar ke YPJ bagi tujuan semakan dan kelulusan
3. Bayaran akan dilaksanakan kepada pelajar yang Berjaya secara EFT (Electronic Fund Transfer) terus kepada akaun pelajar.

2. Bantuan Inisiatif Ihsan Johor.

Bantuan tunai RM 200 kepada mahasiswa Anak Johor di semenanjung dan RM 300 di Sabah dan Sarawak yang terkandas di IPT yang terkandas semasa tempoh PKP akibat penularan COVID-19 yang telah melanda negara baru-baru ini.

Kriteria Bantuan Inisiatif Ihsan Johor.

1. Mahasiswa anak Johor yang terkandas di ipt yang lahir dan menetap di Negeri Johor.
2. Mahasiswa bukan anak Johor yang terkandas di ipt tetapi telah menetap di Negeri Johor.
3. Mahasiswa/i anak / bukan anak Johor (bil 1 & 2) yang terkandas di ipt dan masih menuntut secara aktif di university selama tempoh pkp dilaksanakan.

Kaedah pelaksanaan Bantuan Inisiatif Ihsan Johor.

1. Pembayaran melalui Persatuan Mahasiswa Anak Johor setiap IPT, atau
2. Bagi pelajar UTHM, UiTM, Politeknik, Kolej Komuniti serta Institut Perguruan Guru, pembayaran melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar / Bendahari IPT.

Untuk makluman, permohonan perlu mendapat pengesahan HEP IPT sebelum pembayaran dilakukan dan keperluan mengemukakan laporan perbelanjaan serta dokumen sokongan bagi peruntukan yang diberikan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN 28 (A139)**

Apakah kos-kos yang akan terlibat bagi pekebun kelapa sawit yang perlu menjalankan proses ubahsyarat tanah apabila mereka membuat permohonan sijil MSPO sebab geran tanah asal bukan kegunaan tanaman kelapa sawit?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Pensijilan MSPO mewajibkan semua pekebun kecil sawit untuk mematuhi syarat nyata yang telah ditetapkan dalam geran hakmilik tanah masing-masing. Sekiranya syarat nyata yang terdapat dalam geran tanah adalah selain pertanian atau sawit, pekebun kecil sawit perlu untuk mengubah syarat nyata tanah yang terdapat dalam geran tanah mereka mengikut kategori tanaman semasa.

Merujuk kepada Akta Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965), tukar syarat bermaksud pengubahan kategori kegunaan tanah atau pengenaan kategori kegunaan tanah yang baru; atau pembatalan; atau pindaan syarat nyata atau pengenaan syarat nyata yang baru untuk membolehkannya menggunakan atau memajukan tanah.

Proses penukaran syarat nyata tanah boleh dilakukan di pejabat tanah daerah masing-masing. Kos yang terlibat bagi penukaran syarat nyata tanah di Negeri Johor adalah seperti berikut:

- | | |
|---------------------|--|
| i. Kos Permohonan | : RM 30 |
| ii. Kos Carian | : RM 60 |
| iii. Kos Pengesahan | : RM 60 |
| iv. Premium / Denda | : (Jumlah Tahun Pelanggaran Syarat pada tempoh maksimum 10 tahun) x (Luas Kawasan) x (Kadar Premium / Denda pada anggaran RM 10/ha mengikut jenis tanaman) |

Untuk makluman, kerajaan menyediakan insentif pensijilan MSPO untuk pekebun kecil persendirian dalam melaksanakan MSPO. Di bawah insentif MSPO ini, kos penukaran syarat nyata tanah yang meliputi kos permohonan, kos carian dan kos pengesahan berjumlah RM150 setiap pekebun ditanggung oleh kerajaan. Akan tetapi kos bayaran premium dan denda perlu ditanggung sendiri oleh pekebun kecil sawit. Pekebun kecil sawit yang telah membuat bayaran bagi maksud di atas boleh mengemukakan tuntutan di seluruh pejabat MPOB cawangan yang terdapat di Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)
SOALAN 29 (A119)**

Nyatakan jumlah peruntukan tambahan yang diterima dari Kerajaan Persekutuan untuk kerja penambahbaikan infra perkhidmatan kesihatan Negeri Johor dan nyatakan projek yang terlibat.

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Kementerian Kesihatan Malaysia telah meluluskan peruntukan Pembangunan di bawah Butiran Projek Naiktaraf, Ubahsuai Dan Pembaikan (BP00600) bagi Tahun 2020 yang merangkumi 58 projek berjumlah RM8,375,511.10. Pecahan projek adalah seperti di bawah:

BIL	NAMA BAHAGIAN	KOS PROJEK YANG DILULUSKAN OLEH KKM (RM)
1	Bahagian Perubatan (30 Projek)	3,055,441.60
2	Bahagian Kesihatan Awam (16 Projek)	4,680,141.00
3	Bahagian Pergigian (7 Projek)	425,928.50
4	Bahagian Farmasi (4 Projek)	114,000.00
5	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (1 Projek)	100,000.00
JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN		8,375,511.10

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 30 (A172)**

Sila jelaskan nilai kerugian dan Pelan Tindakan Strategik untuk membantu industri pelancongan yang terjejas akibat wabak covid-19 dan sejauh mana keberkesanan usaha tersebut telah membantu industri pelancongan dari semua sektor termasuk hotel, theme park, F&B, pemandu pelancong dan agensi pelancongan.

**YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 31 (A59)**

Nyatakan kesan Covid-19 kepada sektor perhotelan dan pelancongan di Negeri Johor?

**JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI
(Jawapan bersekali untuk soalan A59 & A172)**

Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya Malaysia (MOTAC) telah mengumumkan bahawa kementerian menganggarkan industri pelancongan dan budaya mengalami kerugian sekitar RM 45 bilion dalam tempoh 6 bulan pertama sejak dilanda wabak pandemik COVID19 ini.

Manakala bagi industri pelancongan negeri, anggaran kerugian adalah sekitar RM 3,360,412,631 (sektor perhotelan) sejak penutupan sempadan Negara dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Walaupun begitu, Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor sentiasa memikirkan strategi untuk memulihkan industri pelancongan Johor pasca COVID19. Antara inisiatif/usaha yang sedang dilakukan oleh Tourism Johor adalah :

A) Pelan Pembangunan Pelancongan Negeri Johor

Kerajaan Negeri dalam proses menambah baik pelan pembangunan pelancongan negeri di mana ia merangkumi aspek-aspek yang perlu diperhalusi oleh Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor bersama-sama Pejabat-pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pengusaha-pengusaha produk di setiap daerah, penggiat-penggiat industri seperti Malaysia Association of Hotels (MAH), Malaysian Budget Hotel Association (MyBHA), taman-taman tema dan ramai lagi. Ini merupakan antara kaedah yang digunakan untuk mendapatkan input/cadangan serta idea yang holistik; iaitu dari perspektif badan-badan kerajaan serta penggiat industri. Pelan ini juga akan menyentuh beberapa aspek pelancongan yang kini menjadi '*trend*' semasa iaitu :

- 1.1 *Eco Tourism*
- 1.2 *Agro Tourism*
- 1.3 *Sports Tourism*
- 1.4 *Health Tourism*

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

1.5 *Heritage Tourism*

1.6 *Food Tourism*

Kerajaan Negeri juga komited untuk membantu kesemua penggiat industri yang terkesan dalam sektor pelancongan. Mereka dibantu melalui insentif-insentif bagi sektor pelancongan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor. Ianya adalah :

- i) Pemberian insentif *one-off* RM1000 kepada 936 orang pemandu pelancong berlesen yang menetap di Johor. Insentif ini melibatkan anggaran kos sebanyak RM 936,000.00
- ii) Pengecualian bayaran lesen perniagaan kepada pemilik syarikat pelancongan dan hotel bagi tahun 2020. Insentif ini melibatkan anggaran kos sebanyak RM 894,211.00 membabitkan 1,031 lesen perniagaan
- iii) Pengecualian bayaran duti hiburan bagi taman tema dan pusat hiburan keluarga bagi tahun 2020. Insentif pengecualian ini dianggarkan berjumlah RM 3 juta.

B) Media Sosial

Selain itu, Tourism Johor juga sedang giat menambah baik '*social media contents*' untuk paparan umum dan pelancong. Antara medium media sosial tersebut adalah *Facebook, Instagram, Twitter* serta *Youtube*. Kesemua pengisian ini akan menonjolkan keunikan serta keistimewaan destinasi-destinasi serta produk-produk pelancongan di Johor. Ia juga akan mempunyai beberapa pilihan bahasa selain Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris.

C) Mengemaskini peta pelancongan setiap daerah

Tourism Johor dengan kerjasama pejabat daerah serta pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pengusaha produk pelancongan sedang mengemaskini peta pelancongan yang menonjolkan tempat-tempat yang perlu dilawati oleh pelancong apabila mereka kunjungi daerah tersebut. Peta tersebut akan dijadikan bukan sahaja dalam bentuk pamflet malah secara digital yang interaktif dan mesra pengguna di media sosial. Peta tersebut akan mengetengahkan produk pelancongan melalui 4 aspek iaitu :

- produk utama (main product)
- produk sokongan (supporting products)
- tempat makan (food & beverages)
- tempat penginapan (accomodation)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)
SOALAN 32 (A101)**

Apakah status terkini kerja menaiktaraf bekalan elektrik di Pelabuhan Darat Segamat (SIP) oleh pihak TNB?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Sepertimana yang dirancang, TNB telah mengambil inisiatif memasang Mobile PPU yang akan berfungsi sebagai interim source dahulu dan ianya dijangka pada mulanya dapat dimulatugas pada akhir Jun 2020 sebelum Pencawang Pembahagian Utama (PPU) yang kekal disediakan sepenuhnya. Namun akibat daripada Pandemik Covid19 pembinaan PPU tersebut tertangguh.

Pada masa ini kerja-kerja sivil bagi Mobile PPU telah mencapai 90% dan dijangka siap pada penghujung bulan ini (Sept 2020). Kerja-Kerja Rentangan Kabel bagi Mobile PPU sedang giat dilaksanakan dan telah mencapai 90%. Dengan ertikata lain pembinaan Mobile PPU yang akan siap pada akhir bulan September ini akan dapat menyediakan suntikan baharu kepada sistem bekalan elektrik yang lebih stabil dan berdaya harap.

Pembinaan PPU kekal Segamat 2 dijangka akan dapat disediakan pada akhir bulan Mei 2022. Pada masa ini proses pemindahan tanah kepada TNB sedang dilaksanakan. Jumlah kos yang terlibat bagi mewujudkan Pencawang Pembahagian Utama Segamat 2 adalah sebanyak RM33.79 juta manakala punca bekalan ke PPU Segamat 2 ini di salurkan daripada Pencawang Masuk Utama Bukit Siput iaitu lebih daripada 9 km.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 33 (A83)**

Apakah status terkini cadangan pembelian RMBJ 126 unit di TPI Stulang Darat, 165 unit di Pangsapuri Aman Larkin dan 91 unit di Taman Kempas Utama untuk Skim Perumahan Prihatin Johor (SPPJ) dan Skim Perumahan Belia Johor (SPBJ)?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman, status terkini bagi pembelian RMBJ A Taman Perbadanan Islam (TPI) Stulang Baru sebanyak 126 Unit manakala RMBJ A Taman Kempas Utama sebanyak 92 unit adalah dalam proses mendapatkan ulasan-ulasan jabatan.

Perkara ini adalah untuk memastikan hartanah yang akan dibeli perlulah berada dalam keadaan status yang jelas dan tidak akan membebankan pihak kerajaan pada masa akan datang sebelum kertas kerja cadangan pembelian kedua-dua projek dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Bagi pembelian 115 unit projek Pangsapuri Aman Larkin, status terkini masih ditangguhkan memandangkan terdapat isu-isu berkaitan dengan pembeli terdahulu. Projek ini pernah diisytiharkan projek terbengkalai oleh Jabatan Perumahan Negara, namun ianya telah diambil alih oleh pihak KPRJ sebagai pemaju penyelamat untuk meneruskan projek tersebut. Walau bagaimanapun perkara ini masih dalam tindakan KPRJ untuk mengesan semula pembeli-pembeli terdahulu sebelum proses pemutihan senarai nama ini dapat diselesaikan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 34 (A58)**

Mohon penjelasan tentang agensi dan jabatan yang berperanan membantu baik pulih rumah penduduk yang sudah uzur atau bocor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Majlis Agama Islam Negeri Johor di bawah peruntukan asnaf fakir dan miskin menyediakan skim bantuan bina baru dan baikpulih rumah kepada golongan fakir dan miskin yang mempunyai masalah tempat tinggal.

Kos bagi pembinaan setiap rumah adalah RM 65,000 bagi 3 bilik tidur dengan keluasan 660 k.p. Manakala bagi baikpulih rumah kos siling adalah tidak melebihi RM 15,000.00.

Proses permohonan baikpulih rumah yang melibatkan rumah uzur atau yang terlibat dengan bencana alam seperti ribut atau kebakaran kecil, MAINJ telah mengambil inisiatif penurunan kuasa melulus dan melantik kontraktor kepada Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri Johor bagi mempercepat proses kelulusan. Namun dalam masa yang sama spesifikasi kerja baikpulih perlu dibuat untuk memastikan nilai kerosakan yang perlu dibaikpulih.

Pada kebiasannya antara sebab yang boleh melewatkan proses kelulusan ini ialah bagi mereka yang menumpang di atas tanah orang lain. Dalam keadaan ini mereka perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada tuan tanah sebelum rumah mereka boleh dibaikpulih.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN 35 (A22)**

Adakah Jawatankuasa Rendah Karbon Negeri Johor masih berfungsi? Sekiranya ya, apakah perancangan yang dirangka ataupun projek-projek yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa tersebut bagi menangani isu perubahan iklim secara mampan?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

1. Terdapat keperluan bagi menubuhkan Majlis Rendah Karbon Negeri Johor sebagai agensi penasihat kepada Kerajaan Negeri Johor berkaitan halatuju, kebersaingan dan produktiviti negeri ke arah komuniti rendah karbon. Majlis ini juga akan mengambil peranan dalam menyelaras dan memantau program penggalakan, pendidikan, penyelidikan, pembangunan dan pembudayaan komuniti rendah karbon di negeri Johor.
2. Oleh yang demikian, Majlis Rendah Karbon Negeri Johor ini masih berfungsi dan berperanan sebagai pusat sehati dalam menyelaras dan memacu semua program-program melibatkan inisiatif ke arah mewujudkan persekitaran rendah karbon di peringkat daerah dan negeri Johor.
3. Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) telah menyediakan Rangka Tindakan Masyarakat Rendah Karbon Iskandar Malaysia 2025 dengan mensasarkan untuk mengurangkan pelepasan intensiti karbon di Iskandar Malaysia sebanyak 58% pada tahun 2025. Dengan penubuhan majlis ini, inisiatif masyarakat rendah karbon yang sedang berjalan di Wilayah Iskandar Malaysia dapat diperluaskan di seluruh negeri Johor dengan penglibatan lebih banyak PBT. Walaubagaimanapun, ianya perlu dilaksanakan secara berfasa dengan mengambil kira kepakaran, kapasiti dan kekangan di setiap PBT.
4. Di antara cadangan pelaksanaan inisiatif yang telah berjalan dan akan diteruskan pada masa akan datang adalah sebagaimana berikut:-
 - 4.1.1 *Green Accord Initiative Award (GAIA)* merupakan satu pengiktirafan bangunan hijau untuk menggalakkan organisasi dan syarikat ke arah pembangunan mampan dan penjimatan tenaga. Inisiatif GAIA telah dijalankan di Wilayah Iskandar Malaysia dan akan diperluaskan skopnya di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
 - 4.1.2 *Building Energy Monitoring & Reporting System (BEMRS)* merupakan satu sistem yang bertindak untuk memantau penjimatan tenaga di sesuatu bangunan. Inisiatif ini telah dikembangkan oleh pihak IRDA kepada 5 PBT di kawasan Iskandar Malaysia.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

- 4.1.3 *Comprehensive Assessment System for Built Environment Efficiency* (CASBEE) untuk seluruh negeri Johor. CASBEE adalah rangka kerja penilaian kecekapan yang direkabentuk berdasarkan konsep kecekapan eko dan boleh menilai prestasi mesra alam sesuatu bangunan. Dicadangkan dengan penubuhan dengan pusat CASBEE yang akan memainkan peranan dalam mempromosikan, menyelaras dan menjalankan aktiviti dalam pembangunan hijau, penilaian projek dan aktiviti-aktiviti berkaitan.
- 4.1.4 *Iskandar Malaysia Eco-life Challenge* (IMELC) merupakan aktiviti pembelajaran murid sekolah yang berkaitan agenda rendah karbon dan telah berjaya implementasikan secara berterusan di Wilayah Iskandar Malaysia. Program ini amat bermanfaat dalam memupuk kesedaran pelajar dan boleh diperluaskan di seluruh Negeri Johor.
- 4.1.5 Pemasangan panel solar di bangunan-bangunan kerajaan negeri Johor di bawah skim *solar energy purchase* (SEP). Ianya melibatkan kerjasama dengan pihak TNB di bawah kaedah *Power Purchase Agreement* (PPA) dimana dari segi kos pemasangan solar, penyelenggaraan dan lain-lain kos adalah di bawah tanggungan pihak TNB dan pihak negeri menerima penjimatan bil elektrik.
- 4.1.6 Menggalakkan pemaju dan pelabur untuk menerapkan inisiatif bangunan hijau dalam pembangunan dan rekaan bangunan-bangunan dalam kawasan PBT masing-masing.
- 4.1.7 Menggalakkan pihak PBT untuk menyertai Program GAIA dan CASBEE untuk tahun 2020.
- 4.1.8 Selain itu, PBT perlu menjalankan sekurang-kurangnya lima (5) inisiatif yang baru bagi inisiatif rendah karbon di kawasan PBT masing-masing untuk tahun 2020.
5. Secara dasarnya, pelaksanaan inisiatif rendah karbon di negeri akan diteruskan dalam memastikan kelestarian alam sekitar terjamin dan seterusnya pelaksanaan teknologi hijau di negeri dapat dikembangkan dengan lebih menyeluruh.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)
SOALAN 36 (A103)**

Apakah langkah kerajaan negeri bagi meningkat industri pertanian sebagai industri yang berpotensi tinggi di Johor dalam era pasca covid-19?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Melalui Jabatan Pertanian Negeri Johor, usaha dalam meningkat industri pertanian sebagai industri yang berpotensi tinggi di Johor dalam era pasca covid-19 boleh dikategorikan kepada dua, iaitu perancangan jangka masa pendek/serdana dan perancangan jangka masa panjang.

PERANCANGAN JANGKA MASA PENDEK & SEDERHANA

1. MENGGALAKKAN KONSEP MIXED FARMING DAN URBAN FARMING, SISTEM FERTIGASI

- Menggalakkan penggunaan Teknologi Fertigasi sebagai kaedah pengeluaran berteknologi tinggi yang mana memerlukan peralatan, bahan input yang khusus serta kemahiran pertanian dan pengurusan yang tersendiri.

2. BEKERJASAMA MEWUJUDKAN DATA AGROMAKANAN NEGARA

- Pendaftaran Pelanggan selaku petani/usahawan bimbingan jabatan juga akan dikemaskini di dalam Sistem AgrisGeoportal.
- Data pengeluaran bagi petani/usahawan dan syarikat-syarikat akan sentiasa dipantau dan dikemaskini oleh Agen Pengembangan Tanaman (APT) melalui sistem Agris Geoportal.
- Sistem Agris Geoportal ini adalah selaku adalah pangkalan data (Database) bagi pertanian dalam menghasilkan statistik pengeluaran makanan negeri Johor.

3. MEMASTIKAN INFRA DAN FASILITI DISEDIAKAN MENEPATI PIAWAIAN DAN KEPERLUAN INDUSTRI

- Kerjasama di antara Jabatan Pengairan dan Saliran akan diperolehi melalui Mesyuarat antara Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pertanian & Industri Makanan (MAFI) bagi membantu menyediakan pengairan dan saliran ladang mengikut keperluan ladang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

4. MERPERKASA USAHA MENARIK AGROPRENEUR MUDA

- Memperkenalkan ikon-ikon agropreneur muda bagi menggalakkan penglibatan golongan muda dalam pertanian. Contohnya En Noralam bin Sharoni dalam penanaman dan pemasaran produk MyGAP di daerah Kota Tinggi.

5. MENINGKATKAN PENGELUARAN DAN PRODUKTIVITI TANAMAN

6. MEMPERGIATKAN AKTIVITI PEMROSESAN BERASASKAN PERTANIAN DAN KEPELBAGAIAN PRODUK

- Meningkatkan aktiviti promosi bagi membantu usahawan bagi produk industri asas tani memandangkan pengoperasian disekat ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

7. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA YANG BERINFORMASI

- Pengukuhan pengetahuan dan kemahiran para pegawai akan sentiasa dipertingkatkan dengan menghadiri kursus-kursus secara 'online'.

8. MEMPERKUKUHKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

- Selaras dengan penggunaan IT dan media social yang pesat, pemindahan teknologi akan dilaksanakan melalui laman-laman social seperti laman web, *Facebook*, *twitter*, *Instagram* kepada golongan sasaran

9. PENDAFTARAN PETANI, PKS DAN PEMBERI PERKHIDMATAN YANG BERKAITAN

PERANCANGAN JANGKA MASA PANJANG

1. MEMBERI TUMPUAN PADA PENANAMAN TANAMAN BERNILAI TINGGI

- Menggalakkan Penanaman tertumpu kepada tanaman yang memberi pulangan yang tinggi seperti tanaman Durian dan Kelapa.
- Melibatkan penggunaan benih varieti baru yang dikeluarkan oleh agensi penyelidik.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

2. MENINGKATKAN PENGELUARAN MAKANAN YANG SELAMAT DAN LESTARI

- Menggalakkan pengusaha tanaman menghasilkan produk yang berkualiti dan selamat dimakan melalui skim pensijilan MyGAP dan myOrganic dan dalam masa yang sama memelihara alam sekitar.

3. MEMPERLUAS PENGGUNAAN APLIKASI TEKNOLOGI DALAM SEKTOR AGROMAKANAN

- Penggunaan teknologi seperti *Drone* dalam industri pertanian dapat membantu industri mendapatkan pelbagai maklumat seperti pemetaan, aktiviti penanaman serta kerja-kerja pemantauan.
- Menggalakkan penggunaan Teknologi Fertigasi sebagai kaedah pengeluaran berteknologi tinggi yang mana memerlukan peralatan, bahan input yang khusus serta kemahiran pertanian dan pengurusan yang tersendiri.

4. MEMBUDAYAKAN PERTANIAN MELALUI PENGEMBANGAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- Memantapkan sistem perkhidmatan pertanian sepertimana digariskan dalam MS ISO 9001: 2015 Perkhidmatan Pengembangan Pertanian.

5. MELAKSANAKAN PROGRAM ATAU PROJEK PEMBANGUNAN SECARA INKLUSIF DENGAN PENGLIBATAN GOLONGAN MUDA DAN RAKAN STRATEGIK

- Menggalakkan penglibatan Persatuan-persatuan serta golongan muda dalam rangkaian perkhidmatan pertanian selaku rakan strategik dalam memberi manfaat kepada pengusaha –pengusaha berskala kecil.

6. PENGELUARAN BAJA TEMPATAN

- Mencari alternatif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap baja import memandangkan harga yang tinggi bagi mendapatkan formula baja dengan memberikan kerjasama kepada jabatan/agensi penyelidik bagi melaksanakan penyelidikan.
- Menggalakkan pengusaha-pengusaha bahan input seperti baja bekerjasama dengan jabatan dalam mempromosikan keberkesanan baja yang dikeluarkan.
- Menggalakkan pengusaha menggunakan kompos dan bahan organik(penghasilan sendiri).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

- Merencanakan semula penggunaan EM dalam meningkatkan serta menggalakkan penghasilan mikrob dalam tanah seterusnya peningkatan hasil yang berkualiti.

7. PENGELUARAN BENIH TEMPATAN

- Bekerjasama melalui Mesyuarat antara Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pertanian & Industri Makanan (MAFI)MOA Inc, dalam penyelarasan penyelidikan mengenai baja dan benih.
- Bekerjasama dengan agensi penyelidikan dalam mendapatkan serta menyebarkan penggunaan benih tanaman setelah penyelidikan dilaksanakan.
- Menyebarkan benih yang terlibat seperti padi, rambutan, belimbing, kelapa dan lain-lain tanaman yang bersesuaian.

8. MENGHASILKAN BAHAN MAKANAN TERNAKAN TEMPATAN

- Membantu industri ternakan dengan mengurangkan kos bahan makanan ternakan dengan membantu pengusaha-pengusaha tanaman mengeluarkan tanaman seperti Napier, Jagung bijian yang mempunyai lebih kandungan protein.

Bagi meningkatkan produktiviti dan potensi industri pertanian di Johor dalam era pasca covid-19 juga, **Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Johor** telah menerima peruntukan **sebanyak RM7,871,500** dari Kerajaan Persekutuan yang disalurkan melalui **Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)**. Peruntukan tersebut adalah:-

i. Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Rakyat – RM5,683,000

- a. Projek Usahawan : RM3,736,500 (melibatkan 203 orang usahawan)
- b. Projek Korporat PPK : RM1,946,600 (melibatkan 22 Pertubuhan Peladang)

ii. PRE (PPHP) Peningkatan Mobalikasi & Logistik Bahan Makanan – RM1,098,500 : melibatkan 22 Pertubuhan Peladang

iii. Projek Tanaman Kontan di bawah Program B40 – RM1,090,000

- a. Fasa 1 : RM530,000 (melibatkan 63 orang usahawan)
- b. Fasa 2 : RM560,000 (melibatkan 55 orang usahawan)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Fokus utama penyaluran peruntukan di bawah LPP adalah:

- i. Memastikan pengeluaran bahan makanan negara mencukupi dalam tempoh 3 ke 6 bulan pertama selepas tempoh PKP dengan pemilihan tanaman, ternakan dan ternakair yang bersesuaian.
- ii. Meningkatkan pendapatan petani / pengeluar yang terjejas ekoran pandemik covid-19 terutamanya petani di bawah Program B40 (pendapatan dibawah RM4,300).
- iii. Pemilihan projek adalah pembesaran kepada projek sedia ada yang berjalan baik dan berpotensi untuk dikembangkan.
- iv. Skop tanaman – sayuran, buahan, umbisi, herba yang dilaksanakan secara konvensional, fertigasi dan fertigasi meja.
- v. Skop ternakan – ternakan ruminan bagi tujuan pembesaran ternakan dan dipasarkan dalam jangkamasa 3 – 6 bulan. Manakala unggas melibatkan ternakan ayam daging, ayam kampung dan itik.
- vi. Skop ternakair – semua jenis ternakair, ikan dan udang.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan petani khususnya mereka yang terlibat di bawah **sektor tanaman nanas**. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), pihak Kerajaan melalui **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)** telah memberi fokus kepada pembangunan industri nanas negara dengan membangunkan kawasan-kawasan tanaman nanas di seluruh Malaysia.

Fokus kepada varieti premium yang bernilai tinggi dan mendapat permintaan yang sangat baik di pasaran dunia membolehkan industri nanas negara terus berdaya saing di peringkat global. Selaras dengan sasaran yang ditetapkan dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN), pengukuhan perancangan pembangunan tanaman nanas memerlukan lebih daripada 7,120 hektar kawasan baru untuk perkembangan industri nanas menjelang tahun 2020.

Pihak kerajaan melalui LPNM sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa negeri dalam menjayakan agenda pembangunan industri nanas negara. LPNM juga telah menyediakan pelbagai jenis bantuan dan insentif yang bersesuaian mengikut kluster projek tanaman nanas. Bantuan atau insentif yang diberikan kepada pengusaha adalah seperti berikut :-

- a) Bantuan Bahan Tanaman (Anak Benih/Sulur Nanas)
- b) Bantuan Input Pertanian (Baja/Racun/Hormon)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

- c) Bantuan Infrastruktur Asas Ladang
- d) Bantuan Infrastruktur Asas Pemasaran
- e) Bantuan Mekanisasi dan Automasi Ladang
- f) Bantuan Khidmat Nasihat dan Teknikal Tanaman

Bagi memastikan aktiviti pengusaha tanaman nanas tidak terjejas oleh Covid-19, pihak Kerajaan melalui LPNM akan melaksanakan inisiatif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE 2020) dan PRE Prihatin bagi merencanakan semula aktiviti penanaman, pengeluaran dan pemasaran nanas dalam usaha untuk memastikan peningkatan pendapatan pengusaha secara konsisten.

Di bawah PRE 2020 dan PRE Prihatin, LPNM Negeri Johor telah diperuntukan sebanyak RM13.6 juta (Johor RM 8.1 juta) bagi melaksanakan Program Insentif Logistik dan Pemasaran Nanas melalui insentif/subsidi, peningkatan mobilisasi dan logistik bahan makanan berkaitan nanas.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 37 (A70)**

Adakah semua sekolah di negeri Johor telah dibekalkan pelitup muka, sanitiser dan jangka suhu yang mencukupi?. Sila beri butiran yang berkaitan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Berikut adalah butiran jumlah thermometer dan hand sanitizer yang telah diperolehi setiap PPD di Negeri Johor:

PPD	MURID	JUMLAH THERMOMETER	SANITHIZER/ LITER
BATU PAHAT	65,618	1,490	2,997.2110
JOHOR BAHRU	123,614	2,621	4,657.4500
KLUANG	45,425	1,026	1,508.3482
KOTA TINGGI	33,315	764	907.9070
KULAI	55,459	1,187	3,120.8960
MERSING	13,316	312	452.7207
MUAR	40,442	942	36,164.9540
PASIR GUDANG	115,467	2,422	3,290.0860
PONTIAN	28,710	676	556.0915
SEGAMAT	31,363	734	109.7520
TANGKAK	22,258	527	814.1410
KESELURUHAN	574,987	12,701	54,578.7474

RUMUSAN	JUMLAH
JUM. PELAJAR NEGERI JOHOR	574987
JUM. THERMOMETER MENGIKUT NISBAH 1:50	12,701 BUAH
SANITHIZER	54,579 LITER
PERUNTUKAN THERMOMETER KPM	RM2,483,900.00
PERUNTUKAN SANITHIZER KPM	RM3,194,600.00

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Pelutup muka (*face mask*) tidak termasuk dalam peruntukan KPM dan bekalan di sekolah-sekolah adalah atas usaha pihak Sekolah/PIBG/PIBKS kerana pemakaian hanya digalakkan dan berdasarkan murid bergejala, imuniti rendah dan berkeperluan. Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah menerima sumbangan daripada Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor berupa Topeng Pelindung Muka (*face shield*) sebanyak 210,000 unit dan diagihkan kepada murid- murid Prasekolah, Tahun 1, 2 dan 3 sekolah negeri Johor mulai 18 Ogos.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 38 (A67)**

Bilakah tarikh siap terkini Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pengerang di Kg Punggai. Sila jelaskan sebab-sebab apa projek perumahan ini lewat disiapkan?.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman, Program Perumahan Rakyat (PPR) Pengerang merupakan rumah PPR jenis berbilang tingkat (strata) sebanyak 300 unit yang berkeluasan 7.065 ekar. Projek tersebut di bina oleh Kontraktor Am Rich Constructions Dev. Sdn. Bhd. dengan peruntukan sebanyak RM 58,535,226.00. Status tanah tersebut masih dalam tindakan pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan tarikh jangkaan siap asal adalah pada 24 September 2021.

Sebagaimana Yang Berhormat maklum, negara kita telah dilanda wabak Covid-19. Kesan daripada wabak tersebut, semua kerja-kerja telah dihentikan buat sementara waktu kerana dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walau bagaimanapun sejak Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) projek ini telah disambung namun jumlah pekerja yang bertugas adalah terhad. Setelah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), projek tersebut dijalankan seperti biasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada kelewatan pembinaan buat masa ini kerana struktur pembinaan secara fizikal sehingga bulan Ogos 2020, telah mencapai 18 % pembinaan sepertimana fizikal jadual. Walau bagaimanapun pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memberi arahan mengenai perubahan kerja yang melayakkan kontraktor memohon lanjutan masa dan telah diluluskan sehingga 12 Julai 2022. Oleh itu, jangkaan siap adalah sebagaimana tarikh yang dijadualkan setelah Extension of Time (EOT) yang kedua iaitu pada 12 Julai 2022.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 39 (A113)**

Apakah usaha kerajaan dan pilihan yang rakyat ada dalam isu penggunaan kerusi bayi pada setiap kenderaan, ada rakyat yang terbeban dengan jumlah tanggungan anak kecil yang ramai dan ruang kenderaan yang kecil untuk meletakkan kerusi bayi di dalam kenderaan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Kerajaan telah mengarahkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk menguatkuasakan undang-undang pemakaian kerusi bayi wajib bermula 1 Januari 2020. Setiap penumpang kanak-kanak didalam kenderaan hendaklah diletakkan dalam kerusi bayi yang bersesuaian.

Walau bagaimanapun, dalam aspek penguatkuasaan pemakaian Kerusi Bayi didalam kenderaan motor pengecualian hanya diberikan dalam situasi berikut iaitu:

- I. Mana-mana kenderaan motor yang tidak direkabentuk bagi pemakaian Kerusi Bayi yang sesuai.
- II. Bilangan penumpang di dalam kenderaan menghalang pemakaian Kerusi Bayi yang sesuai.
- III. Faktor kesihatanyang telah diperakui oleh pakar perubatan.
- IV. Mana-mana kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan pelancongan yang tiada menyediakan Kerusi Bayi yang sesuai.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)
SOALAN 40 (A102)**

Berapakah nilai jumlah pelaburan langsung asing (FDI) diterima Johor bagi tahun 2020 sehingga kini serta apakah langkah kerajaan negeri bagi menambah nilai ini mengambil kira kesan wabak Covid-19 terhadap ekonomi dunia?

JAWAPAN YB TUAN MOHD IZHAR BIN AHMAD

Bagi menjawab pertanyaan dari YB Kemelah, jumlah nilai pelaburan asing (FDI) yang diterima oleh Negeri Johor sehingga Mac 2020 yang direkodkan adalah sebanyak RM 1.068 billion. Tidak dapat dinafikan bahawa Pandemik Covid 19 yang telah melanda seluruh dunia telah memberikan kesan ke atas nilai pelaburan baru secara global termasuk Negeri Johor sendiri.

Bagi memastikan isu berkaitan pelaburan samaada pelaburan asing, domestik mahupun pelaburan yang sedia ada mendapat perhatian Kerajaan Negeri, sebuah Jawatankuasa Pelaburan Negeri atau Johor Investment Committee (JIC) yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar akan diaktifkan dan diperkasakan lagi selain beberapa jawatankuasa berkaitan pelaburan akan ditubuhkan dan dipengerusikan oleh YB Exco Pelaburan. Jawatankuasa tersebut akan melaporkan perkembangan, cadangan dan isu-isu yang berkaitan kepada jawatankuasa induk iaitu JIC.

Program-program bertemu dengan pelabur-pelabur yang sedia ada juga akan dipergiatkan di mana dalam keadaan pandemik COVID-19 sekarang, usaha permasaran serta promosi berkenaan pelaburan tetap dilaksanakan secara maya melalui media sosial seperti LinkedIn, Twitter dan Facebook serta penglibatan secara aktif di dalam program webinar yang berkaitan dengan pelaburan.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Invest Johor akan meneruskan penganjuran sesi bertemu wakil wakil persatuan perniagaan luar negeri yang ada di Malaysia seperti AMCHAM, MDBC dan lain-lain bagi mempromosikan peluang peluang pelaburan di Negeri Johor. Sebagai contoh, baru-baru ini pada 24 Ogos 2020 telah diadakan program 'Briefing and Networking Interchamber' yang melibatkan beberapa persatuan atau dewan perniagaan asing (Chambers) yang berada di Malaysia seperti Malaysian Dutch Business Council (MDBC) , CCI France Malaysia - CCIFM, British Malaysian Chamber of Commerce, American Malaysian Chamber of Commerce, La Camara Malaysia, EU - Malaysia Chambers and Business, Malaysia Australia Business Council dan Malaysia Germany Chamber of Commerce.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 41 (A154)**

Berapakah pelaburan yang berjaya diusahakan sejak kerajaan Perikatan Nasional mengambil alih pemerintahan?

JAWAPAN YB TUAN MOHD IZHAR BIN AHMAD

Bagi makluman semua, semenjak Kerajaan Perikatan Nasional mengambil alih pemerintahan bermula pada Februari 2020 dan sehingga Mac 2020, Negeri Johor telah berjaya memperolehi kelulusan pelaburan melibatkan 50 buah syarikat berjumlah RM 1.633 bilion di mana jumlah pelaburan asing adalah sebanyak RM1.068 bilion manakala jumlah bagi pelaburan domestik yang di bawa masuk adalah sebanyak RM565.3 juta.

Kerajaan akan terus menggiatkan promosi pelaburan walaupun lawatan kerja dan promosi Negeri Johor ke luar negara tidak dapat dijalankan sebagaimana sebelum ini, namun usaha mempromosikan pelaburan ke Negeri terus dijalankan melalui pelbagai platform atas talian, media sosial dan juga menyertai webinar yang berkaitan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 42 (A89)**

Berapa jumlah fidyah yang telah dibelanjakan pada tahun 2018, 2019 dan pada tahun 2020 (sehingga sekarang) dalam membantu asnaf?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Fidyah merupakan bayaran denda yang dikenakan terhadap individu Islam yang tidak dapat menggantikan puasanya di Bulan Ramadhan pada satu tahun sehingga tiba Bulan Ramadhan tahun berikutnya.

Bagi tahun 2018, jumlah wang amanah fidyah telah dibelanjakan sebanyak RM 6,414,537.13 dan melibatkan seramai 64,000 penerima. Bagi tahun 2019 pula sebanyak RM 5,490,025.50 telah dibelanjakan membabitkan seramai 54,000 penerima. Dan bagi tahun 2020 sehingga bulan ogos 2020 wang amanah fidyah telah dibelanjakan sebanyak RM 3,829,124.95 dan melibatkan seramai 38,000 penerima.

Penyerahan bantuan fidyah telah dilaksanakan pemberiannya sempena Program-program Bulan Islam, Program Khidmat Masyarakat, Lawatan ke rumah Asnaf bersama Amin Baitulmal MAIJ, Sumbangan Bantuan Hari Raya kepada asnaf, Sumbangan pada rumah-rumah kebajikan, Sumbangan kepada gelandangan dan Sumbangan kepada Anak-anak Yatim yang fakir dan miskin.

Jumlah bilangan penerima mengikut pecahan daerah :

Bil	Daerah	2018	2019	2020
1	Johor Bahru	11,800	7300	5600
2	Muar	8800	7300	5600
3	Batu Pahat	8800	7300	5600
4	Segamat	6400	5400	3800
5	Kluang	6400	5400	3800
6	Pontian	6400	5400	3800
7	Kota Tinggi	6400	5400	3800
8	Mersing	3000	3500	2000
9	Kulai	3000	3500	2000
10	Tangkak	3000	3500	2000
	JUMLAH	64,000	54,000	38,000

Had Al Kifayah merupakan satu sistem yang digunapakai oleh pusat-pusat zakat di Malaysia dalam menentukan garis kemiskinan seseorang sesuai dengan tempat mereka bermastautin. Ianya merupakan satu Sistem agihan ke atas golongan fakir dan miskin sama ada Islam asal atau muallaf adalah berasaskan kepada keperluan asasi (daruriat) bukan keperluan tambahan (hajiat) dan bukan keperluan kemewahan (

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

tahsiniat) seseorang itu mengikut kaca mata Islam bagi diri dan keluarga di bawah tanggungannya sesuai dengan tempat, masa serta status sosial seseorang itu bagi keperluan minima iaitu :

1. Makanan
2. Pakaian
3. Perlindungan (Tempat Tinggal)
4. Pendidikan
5. Kesihatan
6. Pengangkutan

Jumlah keperluan setiap keluarga akan bertambah dengan bertambahnya jumlah isi rumah yang wajib ditanggung. **Contoh kadar Had Kifayah bagi sebuah keluarga di Johor adalah seperti berikut :**

Ahli Isi Rumah	Nilai Had Kifayah RM		Jumlah RM	
	Bandar	Luar Bandar	Bandar	Luar Bandar
Ketua Keluarga	665	615	665	615
Suami	665	615	875	825
Isteri	210	210		
Suami	665	615	1,155	1,105
Isteri	210	210		
Anak (Sek Men)	280	280		
Suami	665	615	1,365	1,315
Isteri	210	210		
Anak (Sek Men)	280	280		
Anak (Sek Ren)	210	210		
Suami	665	615	1,535	1,485
Isteri	210	210		
Anak (Sek Men)	280	280		
Anak (Sek Ren.)	210	210		
Anak (6 Thn Ke Bawah)	170	170		
Suami	665	615	1,745	1,695
Isteri	210	210		
Anak di IPT	210	210		
Anak (Sek Men)	280	280		
Anak (Sek Ren.)	210	210		
Anak (6 Thn Ke Bawah)	170	170		

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN 43 (A123)

Kedudukan Taman Damai 2 yang berhampiran Sungai Batu Pahat, dan taman-taman perumahan di sekitarnya, sering menghadapi masalah banjir kilat apabila hujan lebat dan air pasang. Adakah JPS mempunyai rancangan untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Kejadian banjir di Taman Damai 2 dan taman-taman perumahan sekitar disebabkan kedudukannya yang dekat dengan Sungai Batu Pahat. Hal ini menyebabkan ia mudah terlibat dengan banjir. Ia menjadi lebih kritikal apabila berlaku serentak hujan lebat dan air pasang tinggi.

Antara penyelesaian kepada masalah ini adalah dengan pembinaan ban tepi sungai. Penyelesaiannya agak memerlukan kos yang agak tinggi kerana apabila ban sungai dibina, pemasangan pam perlu dibuat untuk menyedut air keluar dari taman perumahan ke sungai semasa musim hujan.

Pihak JPS akan memohon peruntukan bagi mengurang atau menyelesaikan masalah dihadapi dalam Rancangan Johor 5 Tahun (RJ5T) bagi tahun 2021 nanti.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SAOALAN 44 (A129)**

Minta nyatakan perancangan dan tindakan Kerajaan Negeri dalam masalah perparitan dan jalan raya di kawasan kampung, terutamanya di daerah Kota Tinggi yang sering berlakunya banjir kilat.

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Pelaksanaan penyelenggaraan sistem perparitan melibatkan beberapa agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga Pejabat Daerah.

JPS bertanggungjawab kepada saluran semulajadi seperti sungai & alur, saluran pertanian dan juga longkang monsoon yang besar. JKR bertanggungjawab kepada longkang tepi jalan. Pihak Berkuasa Tempatan pula kepada longkang monsoon yang terletak dalam taman perumahan, longkang bandar, kawasan perindustrian dan longkang yang dibina dan diserahkan oleh pemaju. Manakala Pejabat Daerah juga akan membantu dalam kawasan-kawasan kampung.

Kesemua agensi terlibat akan melaksanakan perancangan dan tindakan berdasarkan kepada peruntukan yang diterima setiap tahun, termasuk dalam DUN Panti. Sekiranya peruntukan tahun tersebut tidak mencukupi, pelaksanaan projek akan dibawa ke tahun berikutnya untuk dilaksanakan. Pelaksanaan kerja-kerja adalah dari pelbagai sumber peruntukan.

Dari segi penyelenggaraan jalan raya di kawasan kampung, pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Negeri Johor melalui Program Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan Program Ameniti Sosial (PAMS) sentiasa menerima permohonan daripada orang perseorangan dan pejabat daerah bagi tujuan kerja-kerja bina baru/naiktaraf dan selenggara jalan serta pembinaan/baikpulih/naiktaraf pelbagai prasarana. Pada tahun 2020, pihak KPLB telah memperuntukan sebanyak RM 13.291 juta bagi program JPD dan RM 6.6 juta bagi programs PAMS (tidak terhad kepada longkang).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 45 (A178)**

Adakah kerajaan menyediakan peruntukan kecemasan untuk menaiktaraf longkang dalam kawasan kampung yang sudah lama tidak diselenggara dan diperbesarkan?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Untuk makluman, dibawah Program Ameniti Sosial (PAMS) Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Negeri Johor, skop pembinaan/naiktaraf longkang adalah termasuk sebagai salah satu skop program. Walau bagaimanapun, pihak KPLB tidak menyediakan peruntukan kecemasan bagi perkara ini. ini adalah kerana skop PAMS tidak terhad kepada pembinaan/naiktaraf longkang sahaja tetapi merangkumi banyak elemen prasarana yang lain.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 46 (A194)**

Apakah bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam usaha membantu dan memudahkan proses pembelajaran bagi golongan yang kurang berkemampuan dan di luar bandar dari segi talian yang memuaskan dan gajet yang diperlukan bagi meneruskan proses pembelajaran mereka.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Terdapat 2 bantuan yang disediakan oleh kerajaan.

1. Bantuan yang disediakan kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia kepada murid

Bagi tujuan membantu dan memudahkan proses pembelajaran golongan kurang berkemampuan dan di luar bandar berkaitan kekangan talian internet dan gajet, KPM telah mewujudkan kembali TV Pendidikan yang disiarkan setiap hari di saluran TV Radio Televisyen Malaysia (RTM) menerusi TV1, TV2 dan TV Okey merangkumi pelbagai subjek sekolah rendah dan menengah bagi menampung defisit talian dan gajet. KPM juga telah menyediakan platform pembelajaran digital untuk menyokong pembelajaran murid melalui Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) bermula 1 Julai 2019 selain aplikasi- aplikasi pautan yang diletakkan dalam kandungan sokongan seperti Buku Teks Digital, pustaka digital dan lain-lain.

Jabatan Pendidikan Negeri Johor bertindak proaktif menggalakkan pihak sekolah menyediakan bahan pembelajaran dalam bentuk cetakan untuk edaran murid-murid. Bahan tersebut diletakkan di pondok kawalan keselamatan untuk diambil oleh ibu bapa atau diedarkan sendiri oleh guru-guru atau melalui ketua komuniti setempat. Tugasan yang lengkap akan diletakkan semula di pondok kawalan keselamatan sekolah masing-masing untuk penilaian guru.

2. Bantuan yang disediakan kerajaan menerusi KPM kepada guru dan sekolah

1. Penyenggaraan Peralatan ICT Aset Sekolah KPM 2018 berjumlah RM4,427,917.80 melibatkan 70 buah sekolah (bandar/luar bandar).
2. Bekalan Telefon Pintar Yes beserta Pelan Data Guru 2GB kepada guru di bawah kontrak Projek 1BestariNet KPM Fasa 2 kepada hampir 50,000 orang guru sehingga Februari 2019.
3. Bekalan Tablet di bawah Inisiatif Aplikasi Tutor Guru dan e-Paper Utusan Malaysia sehingga Januari 2019 kepada semua guru negeri Johor.
4. Penyediaan Pelantar Pembelajaran Maya (Portal Delim@ KPM) bermula 1 Julai 2019 yang boleh diakses menggunakan ID guru dan sekolah bagi

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

tujuan Pembelajaran Dalam Talian (PdT) dan PdPc secara maya menerusi platform Google, Microsoft dan Apple di samping aplikasi-aplikasi pautan yang diletakkan dalam kandungan sokongan seperti Buku Teks Digital, pustaka digital dan lain-lain.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 47 (A158)**

Peruntukan membina masjid Kg Sg Redan telah diluluskan sebanyak RM1 juta ketika kerajaan BN, apakah pembinaan itu akan diteruskan oleh kerajaan sedia ada sekarang?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Peruntukan membina Masjid Kg Sg Redan telah diluluskan sebanyak RM1 juta pada tahun 2017 melalui Sumber Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Projek ini telah diberikan kepada JohorCorporation sebagai Agensi Pelaksana. Namun setelah PRU14, projek ini telah diarahkan untuk ditangguhkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 48 (A150)**

Sejauh manakah keberkesanan aplikasi Jejak Johor yang telah dibangunkan oleh kerajaan negeri Johor dalam membantu penularan covid 19 dalam negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Aplikasi Jejak Johor telah dilancarkan pada 21 Mei 2020 dan boleh dimuat turun melalui Goggle atau Apple App Store. Aplikasi ini mempunyai dua sistem, iaitu sistem kontak rapat dan sistem pemantauan kuarantin. Buat masa ini, dengan penularan Covid-19 yang masih terkawal, penggunaan aplikasi ini dibuat secara sukarela. Selain digunakan oleh pihak individu, aplikasi ini turut dipromosikan bagi tujuan pemantauan di beberapa Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Johor. Aplikasi ini merupakan salah satu kaedah bagi kemasukan ke dalam premis-premis yang dikenal pasti, selain daripada penggunaan MySejahtera atau pun menulis secara manual. Aplikasi ini boleh dijadikan sebagai mandatori atau syarat utama kemasukan premis perniagaan dan kuarantin di kawasan-kawasan 'Hotspot' dan jika penularan Covid-19 meningkat dan tidak terkawal di dalam negeri Johor ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)
SOALAN 49 (A33)**

Sejauhmana perancangan Universiti Johor dapat direalisasikan oleh kerajaan sekarang?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Cadangan Penubuhan Universiti Johor merupakan salah satu dari titik fokus di dalam Belanjawan Johor 2019 dalam usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan tahap pendidikan yang berkualiti dan memudahkan akses kepada tahap pengajian tinggi bagi rakyat di negeri Johor.

Kajian Cadangan Penubuhan Universiti Johor telah dimuktamadkan oleh pihak perunding iaitu Uni-Technologies Sdn. Bhd. pada 30 April 2020 dan pihak perunding telah mengemukakan beberapa syor kepada kerajaan negeri antaranya adalah dengan menggabungkan tiga institusi pendidikan yang mempunyai kaitan dengan Kerajaan Negeri Johor iaitu KPJ Healthcare University College (KPJUC), Kolej Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor (KPYPJ) dan juga Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH).

Ketiga-tiga institusi pengajian ini mempunyai kekuatan yang tersendiri yang tidak sama antara satu sama lain. KPJUC mempunyai fokus dalam bidang perubatan, kejururawatan dan kesihatan manakala KPYPJ mempunyai fokus dalam bidang hospitaliti, pengurusan dan pelancongan. MARSAH pula mempunyai pengkhususan dalam bidang pengajian Islam dan bahasa Arab.

Kerajaan negeri kini sedang merangka penubuhan Jawatankuasa Teknikal yang akan dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya Negeri Johor bagi membincangkan syor-syor yang telah dikemukakan oleh pihak perunding dan melihat implikasi dari segi kewangan dan governans terutama sekali kepada kerajaan dan institusi pendidikan berkenaan. Kerajaan akan merangka langkah-langkah seterusnya dalam merealisasikan cadangan ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 50 (A94)**

Banyak kemalangan kereta terbabas di lampu isyarat di Taman Ria, Kluang kerana terlanggar pembahagi jalan yang memakan kelebaran jalan dari 3.5 meter kepada 2.3 meter, yang jelasnya jauh tidak mematuhi spesifikasi kelebaran jalanraya, pihak siapa yang bertanggungjawab terhadap kesalahan ini?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Lampu isyarat di Taman Ria Kluang telah dibina dibawah Program Membasmi Kemalangan Maut (Black Spot) 2017. Dengan menaiktaraf persimpangan ini, kadar kemalangan maut yang semakin meningkat pada ketika itu dapat diatasi.

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) ambil maklum tentang situasi semasa lokasi tersebut. Kemalangan jalan raya terutama kejadian melanggar pembahagi jalan masih berlaku dilokasi tersebut. Oleh yang demikian, bagi langkah seterusnya, pihak JKR akan menjalankan audit keselamatan jalan serta menjalankan kajian keselamatan dilokasi tersebut. Hal ini bagi memastikan agar masalah ini dapat diselesaikan.

Bagi tindakan jangka masa pendek, pihak JKR akan memastikan kerja-kerja penyelenggaraan jalan sentiasa dilaksanakan, serta memastikan lampu jalan dan lampu amaran yang berada dilokasi sentiasa berfungsi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 51 (A97)**

Bilakah pelaksanaan kerja menaiktaraf crossing culvert dari 3 meter kepada 9 meter, di Jalan Mersing Seksyen 56, kerana data kajian tapak telah siap, perolehan telah dibuat oleh ibu pejabat JKR Johor di awal tahun ini.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Bagi kerja-kerja menaiktaraf crossing culvert dari 3 meter kepada 9 meter, di Seksyen 56 Jalan Mersing Daerah Kluang akan di tender pada akhir September 2020 ini. Perlaksanaan kerja-kerja di tapak bagi projek ini dijangka dapat dilaksanakan bermula pada bulan Mac 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)
SOALAN 52 (A98)**

Apakah kerajaan negeri melalui agensi persekutuan berhasrat menaiktaraf jalan persimpangan Labis Segamat menuju Felda Selancar, khususnya dari simpang ke Felda Redong?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Bagi projek menaiktaraf jalan persimpangan Labis Segamat menuju Felda Selancar ini telah diluluskan di dalam RMK11 dibawah Projek Menaiktaraf Jalan Baru Dari Persimpangan Jalan Redong Selancar Hingga Jalan Masuk Ke Felda Redong, Segamat (Fasa 2).

Untuk makluman Yang Berhormat Kemelah, status projek ini sekarang berada di peringkat rekabentuk terperinci dan projek ini dijadual akan mula diiklankan pada Bulan November 2020 ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 53 (A153)**

Berdasarkan kepada kekerapan penggunaan kenderaan jalan Muar – Yong Peng semakin meningkat, apakah tindakan kerajaan untuk menaiktaraf jalan raya tersebut?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Kerajaan Negeri sedia maklum akan permasalahan bagi Jalan Muar – Yong Peng ini. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan untuk menaiktaraf Jalan Muar - Yong Peng daripada 2 lorong kepada 4 lorong melalui RMK12 dengan anggaran kos sebanyak RM177 Juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI RASMAN BIN HAJI ITHNAIN (SEDILI)
SOALAN 54 (A168)**

Mohon untuk diluluskan semula Projek Menaiktaraf Jalan Di Kampung Kangkar Gembut Cina, Kota Tinggi berjumlah RM49 juta yang telah diluluskan oleh UPE, JPM di bawah RMK-11 tetapi telah dibatalkan pada Julai 2020 bagi memberi kemudahan kepada semua penduduk yang terlibat.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Melalui Sistem Pemantauan Projek (SPPII), sehingga 31 Ogos 2020, Projek Naik Taraf Jalan di Kampung Gembut Cina, Kota Tinggi, Johor dengan kos RM49 Juta masih disenaraikan dan belum dibatalkan.

Kerajaan Persekutuan melalui Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah menyatakan bahawa akan diberikan terhadap projek-projek Negeri Johor untuk disenaraikan dan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke – 12 (RMK – 12)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)
SOALAN 55 (A1)**

Memohon Kerajaan Negeri Johor untuk melarang penggunaan alkohol dan minuman keras di taman permainan dan taman rekreasi di Johor demi kebaikan rakyat.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor menyambut baik usaha melarang penggunaan alkohol dan minuman keras di taman permainan dan taman rekreasi di Johor demi kebaikan rakyat.

Sehubungan itu, sebagai alternatif PBT untuk mengekang perkara ini adalah dengan pemasangan papan tanda larangan sebagai tanda amaran dan peringatan di kawasan–kawasan tersebut supaya orang awam dapat mematuhi peraturan yang telah dikeluarkan.

Pemantauan dan tindakan berkala juga akan dilakukan dari masa ke semasa di kawasan Taman Permainan dan Rekreasi bagi melarang sebarang aktiviti penggunaan alkohol dan minuman keras dengan kerjasama Jawatankuasa Penduduk setempat, Rukun Tetangga dan pihak PDRM.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 56 (A26)**

Bolehkah saya dapatkan senarai Ahli Majlis dan ketua komuniti kaum India keseluruhan Negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Pelantikan baru bagi Ahli Majlis dan Ketua Masyarakat sedang dalam tindakan bagi dibawa kepada kerajaan dan dijangkakan cadangan bagi pelantikan tersebut akan berkuat kuasa pada 15 September 2020.

Senarai Ahli Majlis dan Ketua Masyarakat kaum India akan dibekalkan kepada YB Adun Tiram setelah selesai proses pelantikan dibuat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 57 (A64)**

Bilakah senarai Ahli Majlis baharu yang lengkap akan menjalankan angkat sumpah?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Pelantikan baru bagi Ahli Majlis dan Ketua Masyarakat sedang dalam tindakan bagi dibawa kepada kerajaan dan dijangkakan cadangan bagi pelantikan tersebut akan berkuat kuasa pada 15 September 2020.

Ahli Majlis baru akan mengangkat sumpah sejurus setelah selesai segala proses pelantikan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 58 (A79)**

Apakah sebab yang mengakibatkan kekosongan jawatan Ketua Masyarakat dan Ahli Majlis PBT masih tidak dapat diisi sehingga sekarang?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Antara sebab yang menyumbang kepada kekosongan jawatan tersebut adalah terlebih dahulu perlu dilaksanakan proses semakan tapisan keutuhan, keselamatan, kebangkrapan dan kelayakan akademik daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Insolvensi dan Kementerian Pendidikan Malaysia sebelum pengisian dan pelantikan boleh dibuat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI RASMAN BIN HAJI ITHNAIN (SEDILI)
SOALAN 59 (A167)**

Apakah rancangan kerajaan negeri melalui SUK untuk membina Rumah Mampu Milik atau Rumah Kos Rendah di kawasan Sedili?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman, dicatatkan sebagaimana Laporan Taskforce Perumahan Negeri Johor bagi jumlah Rumah Mampu Biaya Johor di daerah Kota Tinggi adalah seperti berikut :

DAERAH	TAHUN JANGKA SIAP PEMBINAAN				JUMLAH
	2020	2021	2022	2023 / RIZAB	
Kota Tinggi	0	0	87	15,583	15,670

Walau bagaimanapun, masih belum ada pembangunan Rumah Mampu Biaya Johor di kawasan DUN Sedili. Jabatan juga akan membuat kajian lebih mendalam berhubung permintaan Rumah Mampu Biaya Johor di Kawasan Dun ini, dan ia akan dilakukan secara menyeluruh.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 60 (A193)**

KDNK Johor akan menguncup 0.8% hingga 1.2% dan lebih banyak dari kadar Nasional. Apakah langkah kerajaan untuk menarik pelabur luar kembali melabur di Negeri Johor dalam usaha merencanakan sektor ekonomi seperti mana yang terkandung dalam 7 Ikhtiar Makmur Johor.

JAWAPAN YB TUAN MOHD IZHAR BIN AHMAD

Kerajaan Negeri telah mengaturkan beberapa langkah bagi menambah nilai pelaburan ini dengan mengambil kira kesan wabak covid 19 terhadap ekonomi Negeri Johor. Kerajaan Negeri telah membentangkan sebanyak tujuh ikhtiar besar yang lebih dikenali sebagai Tujuh Ikhtiar Makmur Johor sebagai langkah keluar dari belunggu COVID-19.

Ikhtiar pertama ini adalah penubuhan Ibrahim Johor Economic Council (IJEC). Majlis ekonomi ini akan mengesyorkan penyelesaian kepada beberapa permasalahan yang ada terutama dalam mencipta peluang pekerjaan yang baharu kepada rakyat negeri Johor serta bagaimana Negeri Johor dapat mengambil peluang daripada konflik perang dagangan China – Amerika Syarikat. Majlis Ekonomi ini terdiri daripada pemikir-pemikir atau ikon hebat yang terbukti mempunyai reputasi cemerlang dalam bidang ekonomi. Mereka ini bertanggungjawab dalam menyediakan pelan penyelesaian ekonomi dalam tempoh jangka pendek mahupun jangka panjang. Mesyuarat pertama telah pun diadakan pada 6 Julai 2020 dan beberapa usul dari mesyuarat ini telah dibincangkan manakala kumpulan-kumpulan kerja telah terbentuk bagi mendapatkan jalan penyelesaian bagi setiap usul yang diutarakan.

Ikhtiar kedua adalah menjayakan Johor Digital Masterplan dimana Kerajaan Negeri bekerjasama dengan sektor swasta bagi memastikan keupayaan digital di Johor setanding dengan negara negara maju lain. Ikhtiar ini dibangunkan adalah untuk menyediakan cakupan internet dan akses kepada maklumat lebih meluas dan berkualiti tinggi untuk rakyat dan juga pelabur di Negeri Johor. Ianya sangat penting kerana ianya antara faktor yang dapat menarik lagi ramai pelabur untuk melabur di Negeri Johor disebabkan infrastruktur jalur lebar kita telah dinaiktaraf sejajar dengan teknologi terkini.

Ikhtiar ketiga adalah menjayakan semula Singapore – Johor – Riau Growth Triangle (SIJORI – Kepri) dimana ianya dapat memajukan ekonomi serantau dengan mengambil peluang pasaran dan juga kelebihan ketiga tiga kawasan ini. Kemasukkan pelaburan dari ketiga tiga wilayah ini dapat merencanakan lagi ekonomi dan seterusnya menjadikan kuasa ekonomi yang utama di ASEAN.

Manakala bagi ikhtiar keempat adalah penubuhan Johor Economic Trade and Cultural Office (JETCO) di Singapura. JETCO menjadi pemudahcara usaha perdagangan dan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

pelaburan di antara Johor dan juga Singapura. JETCO juga memainkan peranan sebagai pusat sehenti kerajaan Johor di Singapura. Seperti yang sedia maklum, pelaburan dari Singapura merupakan antara yang tertinggi di Negeri Johor. Dengan adanya pejabat JETCO ini, ianya dapat menarik lagi pelaburan dari Singapura dengan lebih mudah prosedur dan juga proses kelulusan yang berkaitan.

Ikhtiar kelima adalah Jajaran Ekonomi Baharu di mana ianya adalah inisiatif kerajaan meneroka semula kawasan pantai barat dengan mengambil kesempatan atas pembangunan projek Kuala Lumpur – Singapore High Speed Rail (HSR) dan stesen-stesen yang melalui Muar, Batu Pahat dan Iskandar Puteri. Projek HSR ini mampu menjadi nadi denyut kehidupan baharu kepada rakyat Johor dengan melihat peluang pekerjaan yang semakin meluas. Ianya juga dapat merancakkan lagi pelaburan ke Negeri Johor kerana masa perjalanan dari Singapura ke Kuala Lumpur mengambil masa yang amat singkat.

Inisiatif keenam pula adalah inisiatif Bank Makanan Johor dimana melalui inisiatif ini, Negeri Johor dapat meningkatkan keupayaan untuk menyediakan keperluan makanan bagi kegunaan sendiri dan dalam masa yang sama, Kerajaan negeri harus mula rancang mengeksport produk produk makanan ke negara luar seperti Singapura dan Emiriah Arab Bersatu.

Inisiatif ketujuh dan terakhir adalah menjayakan Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030. Keenam-enam ikhtiar yang diumumkan ini merupakan satu intervensi dan pemerksaan ke dalam Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030. Ketujuh-tujuh ikhtiar ini diharap dapat menjadi pemangkin ke arah pemulihan ekonomi dalam tempoh pasca pandemik COVID-19 seterusnya memacu ekonomi negeri Johor ke arah yang lebih baik pada masa hadapan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 61 (A151)**

Apakah status Komuniti Harapan Malaysia dalam negeri Johor yang telah diwujudkan semasa pemerintahan Pakatan Harapan terutama di kawasan DUN Bukit Naning?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Komuniti Harapan Malaysia (KHM) merupakan sebuah gerakan komuniti secara sukarela pelbagai kaum yang ditubuhkan di peringkat akar umbi dan diselaraskan oleh Jabatan Penerangan Malaysia (Japen). KHM berperanan sebagai agent penghubung komunikasi dalam memasarkan maklumat kerajaan dan informasi umum dengan cepat, tepat dan sah dalam kalangan komuniti setempat.

Komuniti Harapan Malaysia ini telah dijenamakan semula mulai Disember 2018. Penjenamaan ini telah ditetapkan dengan penubuhan melalui parlimen yang terdapat dalam negeri Johor sebanyak satu (1) buah komuniti harapan setiap parlimen dan dua (2) buah di setiap Dewan Undangan Negeri yang terdapat di dalam negeri johor. Pecahan seperti berikut, iaitu :

BIL	NEGERI	JUMLAH				CADANGAN PENUBUHAN KOMUNITI HARAPAN MALAYSIA		
		PEJABAT PENERANGAN DAERAH (PPD)	PPD BAHARU	PARLIMEN	DUN	KOMUNITI SEDIA ADA	PARLIMEN (1 KHM)	DUN (2 KHM)
1	JOHOR	10	-	26	56	138	26	112

Bagi soalan yang dibangkitkan oleh yang berhormat adun bukit naning, komuniti harapan malaysia dun bukit naning terletak di dalam parlimen bakri dan komuniti harapan seperti nama berikut :

Item	Profail	Komuniti Harapan Malaysia
Daerah	Muar	
Parlimen	Bakri	1. Komuniti Harapan Malaysia Bukit Bakri
Dewan Undangan Negeri	Bukit Naning	1. Komuniti Harapan Malaysia Ayer Hitam 2. Komuniti Harapan Malaysia Sinar Bakri

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

2. Komuniti Harapan Malaysia Sinar Bakri

Komuniti Harapan Malaysia kini dalam proses penstrukturan semula termasuk di dalam Parlimen Bakri dan Dun Bukit Naning. jawatankuasa Komuniti Harapan Malaysia telah dibubar secara rasmi pada 31 Julai 2020 bukan sahaja di negeri Johor tetapi seluruh Malaysia.

Sehingga kini aktiviti bersama dibawah Jabatan Penerangan dan Komuniti boleh diadakan dengan perbincangan bersama kedua-dua pihak iaitu pejabat penerangan daerah dan komuniti setempat. sesi libat urus bersama komuniti setempat dilaksanakan dalam program merdeka@komuniti yang merupakan program turun padang antara pemimpin dan komuniti setempat bagi menggelorakan dan menyemarak semangat cintakan negara dan kibar jalur gemilang.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sedang menambah baik komuniti yang bakal ditubuhkan yang akan menjadi rakan strategik dan medium penghubung antara kerajaan dan rakyat dalam memastikan sokongan terhadap dasar dan wawasan kerajaan, gerakan komuniti perlu sentiasa berperanan aktif dan dinamik serta berupaya bertindak dengan berkesan selaras dengan dasar semasa kerajaan di peringkat anggota masyarakat.

penubuhan komuniti dengan gerak kerja yang lebih bersepadu dan progresif sejajar dengan situasi dan perkembangan semasa negara merupakan suatu keperluan utama bagi menggerakkan anggota masyarakat untuk memahami dan seterusnya turut serta dalam agenda pembangunan negara. sehingga kini kkmm masih meniliti dengan mendalam tentang struktur komuniti ini yang baharu dan lebih menyeluruh dan komprehensif.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 62 (A8)**

Berapakah jumlah homestay, hotel dan bilik hotel yang terdapat di sekitar Daerah Muar setakat ini?

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Berikut merupakan senarai homestay yang masih aktif di daerah Muar yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya Malaysia (MOTAC) Johor iaitu :

BIL.	HOMESTAY	KAMPUNG	JUMLAH BILIK
1	Homestay Kg Sarang Buaya	i) Kg Sarang Buaya	21
2	Homestay Batu 28, Lenga	i) Kg. Baru Bt.28 ii) Kg Bahagia	17
3	Homestay Felcra Bukit Kepong	i) FELCRA Bukit Kepong	19
4	Homestay Kg Parit Bugis	i) Kg. Parit Bugis ii) Kg Pt. Begelen iii) Kg. Pt. No. 1 iv) Kg. Pt. No. 3 v) Kg. Pt. No. 4 vi) Kg. Pt. No. 5 vii) Kg. Sg. Balang Kecil viii) Kg. Pt. Gantong ix) Kg. Melayu	40

Terdapat 4 buah Homestay di Muar yang melibatkan 13 buah kampung dan mempunyai 97 bilik secara keseluruhan.

Terdapat 15 buah premis penginapan pelancong atau hotel di daerah Muar yang merangkumi sebanyak 917 buah bilik. Kesemua hotel ini masih aktif dan berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya Malaysia (MOTAC) Johor.

BIL.	HOTEL	JUMLAH BILIK
1	Classic Hotel Muar	156
2	Muarar Hotel	114
3	Riverview hotel	65
4	Streetview Hotel	44
5	Townview Hotel	35
6	Hotel Kingdom	25
7	Marina Lodging	9
8	The Wood Boutique Hotel Muar	46
9	Pal Ma Hotel	11
10	Muar Traders Hotel	85

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

11	Golden Lake Muar Hotel	53
12	Bei Boutique Hotel	44
13	Sabak Awor Resort	46
14	Ophir Hotel	40
15	Hotel D'99	144

Sumber : MAH / MyBHA / MOTAC

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 63 (A61)**

Berapakah jumlah unit Rumah Mampu Milik akan dibina dalam kawasan Kulai?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Berikut merupakan laporan sebagaimana yang dibuat Taskforce Perumahan Negeri Johor bagi jumlah Rumah Mampu Biaya Johor di daerah Kulai.

Daerah	Tahun Jangka Siap Pembinaan				Jumlah
	2020	2021	2022	2023 / RIZAB	
Kulai	474	665	0	42,979	44,118

Manakala perincian bagi pembangunan mengikut kategori adalah seperti jadual di bawah:

Tahun Jangka Siap Pembinaan	Kategori	Bil Unit	Jumlah
2020	RMBJ A	0	474
	RMBJ B	0	
	RMBJ C	474	
2021	RMBJ A	0	665
	RMBJ B	0	
	RMBJ C	665	
2022	RMBJ A	0	0
	RMBJ B	0	
	RMBJ C	0	
2023 / RIZAB	RMBJ A	35,608	42,979
	RMBJ B	3,299	
	RMBJ C	4,072	
JUMLAH KESELURUHAN			44,118

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)

SOALAN 64 (A65)

Apakah perkembangan program larangan penggunaan plastik dan penyedut minuman yang telah diwartakan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Program larangan penggunaan pembungkusan, bekas makanan dan cawan minuman polisterina serta pemberian penyedut minuman (straw) plastik hanya berdasarkan permintaan pelanggan telah dilaksanakan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Langkah pertama yang diambil adalah tempoh pendidikan yang mana PBT akan memaklumkan kepada peniaga-peniaga berhubung perkara ini dengan menjalankan kempen-kempen berkaitan dan seterusnya pada 01 Julai 2020 tindakan penguatkuasaan akan dijalankan ke seluruh premis-premis di kawasan PBT.

PBT turut menetapkan larangan penggunaan bekas pembungkusan plastik dan polisterina serta penyedut minuman mengikut permintaan di dalam syarat-syarat lesen perniagaan dan mesti dipatuhi oleh semua peniaga-peniaga.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)
SOALAN 65 (A2)**

Adakah kerajaan baharu masih meneruskan Bantuan / Skim Pakatan Harapan seperti Kad Sihat, Kad Takaful Warga Emas, Rebat Air Johor, Insentif Harapan Siswa? Jika tiada, apakah insentif baru yang diambil oleh kerajaan sekarang untuk menggantikan insentif-insentif lama tersebut?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 66 (A125)**

Adakah kerajaan Perikatan Nasional akan meneruskan program-program baik, yang telah diperkenal dan dilaksanakan oleh Pakatan Harapan, seperti Kad Sihat Johor dan Skim Takaful Warga Emas Negeri Johor?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR
(Jawapan bersekali untuk soalan A2 & A125)**

Untuk makluman **Yang Berhormat Bekok** dan Penggaram mengenai Bantuan / Skim Pakatan Harapan seperti Kad Sihat, Kad Takaful Warga Emas, Rebat Air Johor, Insentif Harapan Siswa.

Untuk makluman YB, program **Skim Takaful Warga Emas** masih diteruskan bagi tahun 2020. Program ini juga telah ditambah baik dengan penambahan keahlian daripada 11,200 kepada 28,000 orang warga emas dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM1.68 juta.

Pelaksanaan program ini akan di maklumkan kepada mereka yang layak selepas mendapat persetujuan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).

Kerajaan negeri masih konsisten meneruskan **Skim Air Percuma**, iaitu Pemberian Air Percuma 10m³ (bagi sektor domestik) kepada golongan B40 di negeri Johor juga masih diteruskan. Tafsiran bagi B40 adalah mengikut tafsiran kerajaan Persekutuan, iaitu mereka yang layak menerima BR1M.

Pemegang akaun yang terpilih ini layak menikmati air percuma 10m³ bagi tempoh tiga (3) tahun sebelum dikemas kini semula data-data.

Pemberian ini hanya layak kepada mereka yang penggunaan bulanan kurang daripada 35m³ sebulan.

Sehingga Julai 2020, terdapat sejumlah 204,294 bilangan akaun berdaftar yang menerima rebat air percuma ini, mulai Januari 2020 sehingga Julai 2020. Jumlah rebat air yang telah diperuntukkan adalah sebanyak RM8.9 Juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Sementara itu, kerajaan negeri melalui Yayasan pelajaran Johor (YPJ) juga masih meneruskan pemberian Bantuan Pendaftaran kepada pelajar atau Insentif Harapan Siswa pada tahun 2020.

Sebagai maklumat tambahan, pemberian bantuan pendaftaran ini telah mula diberikan oleh YPJ kepada anak-anak Johor bermula pada tahun 2010 sehingga kini.

Pada tahun ini juga YPJ telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta dengan anggaran penerima manfaat seramai 2 ribu orang pelajar.

Inisiatif-inisiatif berkenaan masih diteruskan oleh kerajaan Perikatan Nasional (PN) kerana ia memberi manfaat baik kepada rakyat Johor, selain inisiatif-inisiatif ditambah baik demi kesejahteraan rakyat.

Untuk makluman dewan yang mulia, **Program Kad Sihat Johor** masih lagi diteruskan perlaksanaannya pada tahun 2020 dengan beberapa penambahbaikan telah dibuat antaranya penambahan kuota.

Jumlah kuota penerima **Kad Sihat Johor** adalah sebanyak **47,600** penerima iaitu **19,600** bagi individu dan **28,000** bagi keluarga, dengan peruntukan sebanyak **RM2 juta**.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 67 (A7)**

Berapakah jumlah permohonan bagi Fastrack Nil yang telah diterima serta nyatakan jumlah permohonan yang telah berjaya menukar syarat daripada tiada/Nil kepada kategori kegunaan sebenar setakat ini?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 68 (A77)**

Berapakah permohonan mengubah syarat tanah dari NIL secara laluan pantas yang telah diterima setakat 31 Ogos 2020 dan berapakah hasil ubah syarat tanah yang telah dikutip dalam sistem laluan pantas ini.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR
(Jawapan bersekali untuk soalan A7 & A77)**

Yang Berhormat Dato' Speaker, Izinkan saya menjawab secara bersekali bagi soalan **A7** dan **A77** daripada **Yang Berhormat Bentayan** dan **Yang Berhormat Tangkak** berkaitan *Fastrack NIL* serta hasil ubahsyarat tanah.

Untuk makluman dewan yang mulia, Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi di dalam mesyuaratnya pada 8 Januari 2020 telah **BERSETUJU** dengan Pelaksanaan Permohonan Mengenakan Kategori dan Syarat Nyata Tanah daripada Tiada /Nil kepada kategori kegunaan sebenar secara *fastrack* dan dinamakan sebagai inisiatif *FASTRACK NIL*.

Tempoh pelaksanaan bermula 9 Januari 2020 sehingga 31 Mac 2020. Ekoran daripada penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tempoh pelaksanaan *Fastrack Nil* ini telah dilanjutkan sehingga 30 Jun 2020.

Walau bagaimanapun, tempoh inisiatif ini telah dilanjutkan untuk kali kedua bermula 1 Ogos 2020 sehingga 30 Ogos 2020 memandangkan terdapat permintaan daripada pemilik-pemilik tanah dan Jawatankuasa Peguam Negeri Johor supaya Pentadbiran Tanah melanjutkan inisiatif ini bagi memberi peluang kepada pemilik tanah yang terlibat untuk mengemukakan permohonan di Pejabat Tanah Daerah.

Sehingga 30 Ogos 2020, jumlah permohonan diterima adalah sebanyak 11,476 permohonan, di mana daripada jumlah tersebut, hanya 10,095 permohonan telah diluluskan dengan jumlah kutipan bayaran premium berjumlah RM 10,972,695.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)
SOALAN 69 (A17)**

Sejak dibuka, secara keseluruhan berapa orang khususnya orang Johor yang mengguna Reciprocal Green Lane (RGL) & Periodic Commuting Arrangement (PCA) untuk keluar-masuk Singapura dan bagaimana ini telah membantu ekonomi Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Bukit Batu**, pembukaan sempadan negara Malaysia dan Singapura bermula pada 17 Ogos 2020 adalah melalui dua skim iaitu Laluan Hijau Timbal Balik (RGL) bagi individu yang terbabit perniagaan penting dan tujuan rasmi antara kedua-dua negara.

Peraturan Ulang Alik Berkala (PCA) membabitkan penduduk Singapura dan Malaysia yang memegang pas imigresen jangka panjang bagi tujuan perniagaan serta pekerjaan memasuki negara terbabit untuk bekerja. Kuota ditetapkan bagi skim RGL adalah hanya 400 orang bagi tempoh seminggu, atau sehari antara 50 hingga 60 orang, manakala jumlah pemohon PCA pula hanya 2,000 orang sehari.

Malaysia dan Singapura amat memerlukan antara satu sama lain dalam konteks ekonomi. Malaysia membekalkan tenaga kerja dan barangan keperluan asas kepada Singapura dan ia secara tidak langsung membantu pertumbuhan ekonomi negara melalui pengaliran mata wang asing ke Malaysia.

Kesan dari pembukaan ini juga meredakan tekanan pasaran pekerjaan dan memberi harapan pemulihan peluang pekerjaan kepada sebahagian lebih 200,000 pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura.

Statistik keluar-masuk Singapura dari 17 Ogos 2020 hingga 31 Ogos 2020 mengikut kategori keluar-masuk bagi warganegara serta penduduk tetap dan bukan warganegara bagi pengguna *Reciprocal Green Lane* (RGL) mencatatkan sebanyak 282 bagi data masuk dan 45 bagi data keluar. Manakala, bagi *Periodic Commuting Arrangement* (PCA) pula mencatatkan sebanyak 1,486 data masuk dan 6,784 data keluar.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)
SOALAN 70 (A18)**

Sejak mulanya PKP, apakah impak Covid-19 terhadap ekonomi Johor dan anggaran kehilangan pekerjaan rakyat Johor baik di Johor atau yang bekerja di negara jiran Singapura?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

1. Untuk makluman YB Bukit Batu, Penutupan sempadan Johor - Singapura memberi kesan langsung terhadap ekonomi Johor. Dianggarkan lebih 50% daripada perbelanjaan pelancong asing merupakan penyumbang utama sektor perniagaan di Johor.
2. Saya memahami kerisauan yang diluahkan oleh Yang Berhormat Bukit Batu serta ahli dewan yang lain, mengenai situasi pekerja Malaysia yang tidak dapat bekerja di Singapura secara ulang alik.
3. Kerajaan Negeri amat prihatin kepada mereka. Kerajaan Johor berjaya meyakinkan Kerajaan Pusat agar membuka sempadan Johor-Singapura. Kini, terdapat 2 sistem yang telah dipersetujui oleh Malaysia dan Singapura iaitu Reciprocal Green Lane (RGL) dan Periodic Commuting Arrangement (PCA).
4. Sekiranya sistem ini berjaya. Saya yakin, kerajaan persekutuan akan membuka sistem sempadan Johor - Singapura sebagaimana biasa dengan SOP yang terancang dan berkesan.
5. Manakala, kedudukan pasaran tenaga kerja negeri Johor bagi suku kedua tahun ini terutama sejak penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sehingga pertengahan Julai yang lalu adalah seperti beriku:
 1. Terdapat 36 ribu pekerja negeri Johor (tidak termasuk warganegara Malaysia yang bekerja di Singapura) telah terkesan
 2. Iaitu 4,603 orang diberhentikan secara tetap, 840 pemberhentian sukarela, 3,405 pemberhentian sementara dan 26,364 terlibat dalam pengurangan gaji.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)

SOALAN 71 (A19)

Senaraikan semua jenis bantuan dan jumlah peruntukan yang disalurkan untuk setiap jenis bantuan tersebut yang dilaksanakan untuk membantu rakyat Johor menghadapi wabak Covid-19. Nyatakan apakah tujuan dan pencapaian setiap jenis bantuan tersebut dan apakah kekurangannya yang boleh diperbaiki lagi?

YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)

SOALAN 72 (A25)

Berapakah dana dibelanja dari Kerajaan Negeri Johor untuk menangani masalah Covid-19?

YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)

SOALAN 73 (A35)

Berapa jumlah wang kerajaan negeri telah digunakan dari duit wang kecemasan dalam menghadapi ekonomi semasa dan Covid19 yang belum berkesudahan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

(Jawapan bersekali untuk soalan A19, A25 & A35)

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk menjawab secara bersekali soalan daripada Yang Berhormat **Jementah**, **Tiram** dan **Parit Yaani**.

Untuk makluman dewan yang mulia, kerajaan negeri telah pun mengambil langkah segera bagi membantu rakyat Johor sepanjang pandemik COVID-19, melalui pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor yang telah diluluskan pada 24 Mac lalu.

Pakej rangsangan ekonomi ini merupakan inisiatif tambahan dan ia bukan sahaja disebabkan oleh pandemik COVID-19 tetapi juga sebagai usaha menangani kesan ketidaktentuan ekonomi global, khusus bagi negeri Johor.

Sejumlah RM174.46 juta telah diperuntukkan bagi menjayakan pelaksanaan 54 inisiatif, melalui peruntukan kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ).

Pecahan serta pencapaian bagi kesemua 54 inisiatif berkenaan adalah seperti berikut:

Bagi kerajaan negeri, bantuan yang diberikan adalah Bantuan Ihsan Johor COVID-19 siri 1 dengan peruntukan sejumlah RM1.47 juta kepada 658 penerima layak, manakala bagi siri 2 pula diperuntukkan sebanyak RM9.872 juta kepada 107,534 penerima. Bagi

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Bantuan Tunai Ihsan Johor, sejumlah RM14 juta telah diperuntukkan untuk 41,565 penerima.

Jumlah keseluruhan inisiatif di peringkat kerajaan negeri adalah sebanyak 22 inisiatif, di mana 10 inisiatif telah pun selesai dengan memberi manfaat kepada seramai 150,321 penerima melalui peruntukan berjumlah RM152 juta. Hanya berbaki 12 inisiatif yang masih belum dilaksanakan dan akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Perlaksanaan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula melibatkan peruntukkan sejumlah RM18.3 juta untuk 78,095 penerima, di mana 17 inisiatif telah pun berjaya dilaksanakan daripada 19 inisiatif ditetapkan.

Selain itu, perlaksanaan di peringkat Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) pula melibatkan peruntukkan sebanyak RM3.3 juta untuk seramai 26, 597 penerima yang terdiri daripada golongan bagi kategori asnaf, fakir dan miskin yang terkesan dengan COVID--19.

Kesemua bantuan yang telah disalurkan didapati dapat membantu meringankan beban rakyat akibat kesan penularan COVID--19.

Manakala bagi menjawab soalan Yang Berhormat **Parit Yaani** berkaitan jumlah wang kerajaan negeri yang telah digunakan dari wang kecemasan, ingin saya jelaskan bahawa peruntukan semasa adalah dari belanja pembangunan Pejabat Menteri Besar Johor P70 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) P71. Selain itu, dana daripada Tabung Bencana Negeri turut digunakan, iaitu sumbangan daripada kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak swasta serta orang ramai.

Manakala pecahan inisiatif mengikut sektor menunjukkan sektor modal insan dan masyarakat dengan peruntukan tertinggi sebanyak RM36.48 juta meliputi 43 inisiatif. Sebanyak 30 inisiatif telah selesai dilaksanakan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM50.95 juta. Seterusnya bagi sektor pelancongan, sejumlah RM18.32 juta telah diperuntukkan dengan perbelanjaan bagi pelaksanaan 5 inisiatif sebanyak RM3.56 juta. Bagi sektor PKS pula, sebanyak RM15.73 juta telah dibelanjakan berbanding peruntukan berjumlah RM15.75 juta dengan 4 inisiatif telah selesai. Manakala sektor pembinaan pula diperuntukkan sebanyak RM104.0 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 74 (A38)**

Berapakah jumlah permohonan yang ditolak daripada menerima bantuan Tunai Ehsan Covid 19 Johor?

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 75 (A44)**

Senaraikan maklumat lengkap beserta jumlah setiap kelulusan penerima Bantuan Ihsan Johor bagi DUN Yong Peng dan DUN Semarang.

**YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 76 (A72)**

Berapa banyak permohonan bantuan Ihsan Covid-19 Negeri Johor yang diterima dan berapa banyak telah berjaya?

**YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 77 (A91)**

Apakah status terkini Bantuan Ihsan Johor bagi jumlah penerima, kaedah pelaksanaan serta kaedah penyampaian kepada penerima?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 78 (A169)**

Nyatakan dengan jelas berkenaan status Bantuan Ihsan Johor termasuk jumlah peruntukan, jumlah kelulusan dan jumlah penerima yang sudah mendapat Bantuan tersebut.

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 79 (A186)**

Berapa peruntukan telah disalurkan dan bilangan penerima bawah Program Bantuan Tunai Ihsan Negeri Johor?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR
(Jawapan bersekali untuk soalan A38,A 44, A72, A91, A169 & A186)**

Umumnya, Bantuan Tunai Ihsan Johor yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Johor memberikan keutamaan kepada mereka yang **tidak pernah menerima sebarang bentuk bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri sepanjang tempoh penularan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan pergerakan (PKP).**

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Bantuan Ihsan Covid-19 menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak **RM11,199,000.00**. Penerima layak akan menerima bantuan dalam bentuk tunai iaitu sama ada **RM500.00** atau **RM250.00**.

Sehingga 3 Jun 2020 seramai **41,565 penerima** telah pun **diluluskan** dengan pecahan **38,334 pemohon adalah penerima bantuan RM250.00** dengan peruntukan sebanyak **RM9,583,500** manakala seramai **3,231 pemohon adalah penerima bantuan RM500.00** dengan peruntukan sejumlah **RM1,615,500.00**.

Kerajaan Negeri Johor turut melaksanakan inisiatif tambahan bagi membantu golongan miskin tegar, miskin dan golongan terjejas semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan jumlah peruntukan tambahan secara *one-off* sebanyak **RM4,576,950.00**.

Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian besar permohonan gagal atas faktor-faktor berikut:

1. Pemohon atau pasangan melebihi had kelayakan pendapatan
2. Pemohon atau pasangan mempunyai syarikat dan layak memohon Geran Prihatin Nasional (GPN)
3. Pemohon berumur kurang daripada 18 tahun yang berada di bawah tanggungan keluarga
4. Duplikasi permohonan
5. Nombor kad pengenalan tidak wujud
6. Pemohon telah meninggal dunia
7. Maklumat permohonan tidak lengkap

Sehingga kini, penerima layak telah pun menerima bantuan tunai ini menerusi bayaran yang disalurkan secara '*electronic fund transfer*' (EFT) bagi mereka yang mempunyai akaun bank, manakala bagi penerima yang tidak mempunyai akaun bank, bantuan akan disalurkan menerusi Pejabat Daerah masing-masing.

Penerima bantuan berjaya mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut :

Johor Bahru 17,673, Batu Pahat 5,332, Muar 3,742, Kulai 3,726, Segamat 3,445, Kluang 3,203, Pontian 1,432, Tangkak 1,354, Kota Tinggi 1,277 dan Mersing 380.

Bagi menjawab soalan YB **Yong Peng** mengenai jumlah permohonan lulus bagi DUN Yong Peng dan DUN Semarang. Izinkan saya perincikan pecahan berkenaan, iaitu DUN Semarang telah menerima sebanyak 10,633 permohonan, di mana 1,281 permohonan berkenaan telah pun diluluskan, manakala bagi DUN Yong Peng pula sebanyak 2,168 permohonan diterima dan daripada jumlah berkenaan, sebanyak 396 permohonan diluluskan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 80 (A41)**

Adakah kerajaan negeri membuat kajian secara menyeluruh terhadap kesan kenaikan cukai tanah terhadap kos sara hidup rakyat di waktu Pandemik Covid 19 dan sekiranya ada apakah dapatan kajian tersebut?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Mahkota**, Pelaksanaan Cukai Tanah tahun 2020-2029 oleh Pihak Berkuasa Negeri adalah bertepatan dengan Akta Kanun Tanah Negara Seksyen 101 (1) yang membenarkan Pihak Berkuasa Negeri membuat semakan secara berkala mengikut peruntukan-peruntukan yang tertakluk di bawah subseksyen (5).

Namun demikian, kajian terhadap kos sara hidup rakyat di waktu Pandemik COVID-19 adalah di luar jangkaan kerana Pelaksanaan Cukai Tanah Tahun 2020-2029 telah berkuat kuasa pada 5 Disember 2019 sebelum wabak tersebut dikenal pasti.

Pelbagai insentif diberikan oleh pentadbiran Tanah Negeri Johor selepas pandemik COVID-19, antaranya:

Pertama, melanjutkan tempoh bayaran cukai tanah bagi tahun 2020 sehingga 30 September 2020 dan denda lewat bayaran cukai tanah bagi tahun 2020 hanya mula dikenakan, mulai 1 Oktober 2020.

Kedua, pengecualian bayaran pendaftaran atas urus niaga turun milik akibat kematian yang berpunca daripada pandemik COVID-19.

Ketiga, pengecualian denda lewat bagi mana-mana peserahan yang tamat tempoh ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa.

Keempat, Lanjutan tempoh satu (1) bulan untuk sebarang kebenaran pindah milik, gadaian mahupun pajakan yang tamat tempoh ketika PKP berkuat kuasa.

Kelima, lanjutan tempoh permohonan *Fastrack Nil* sehingga 30 Ogos 2020.

Keenam, potongan 50% cukai tanah bagi tanah-tanah rezab Melayu yang berkeluasan sehingga 5 hektar.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 81 (A55)**

Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri dalam membantu rakyat Johor mendepani wabak Covid-19?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Machap**, kerajaan negeri senantiasia mendahulukan rakyat dan apabila pandemik COVID-19 ini mula tercetus, maka kerajaan negeri tidak hanya duduk diam tetapi terus mengambil langkah segera dalam usaha membantu rakyat Johor meringankan beban rakyat sepanjang pandemik ini.

Pada 24 Mac yang lalu, kerajaan negeri telah meluluskan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor yang bergerak seiring serta menyokong inisiatif yang telah dirancang di peringkat kerajaan Persekutuan.

Pakej rangsangan ini adalah tambahan kepada inisiatif sedia ada bukan sahaja disebabkan oleh kesan penularan wabak COVID-19, tetapi ianya juga dirangka supaya dapat menangani kesan ketidaktentuan ekonomi global khususnya di negeri Johor yang merangkumi sektor berkaitan pelancongan, sektor berkaitan pembinaan, sektor berkaitan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) serta sektor berkaitan modal insan dan masyarakat.

Sejumlah RM174.5 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan negeri bagi menjayakan pelaksanaan 54 inisiatif, melalui peruntukan kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ).

Pecahan serta pencapaian bagi kesemua 54 inisiatif berkenaan adalah seperti berikut.

Bagi kerajaan negeri, bantuan yang diberikan adalah Bantuan Ihsan Johor COVID-19. Setakat 1 September 2020, siri 1 dengan perbelanjaan sejumlah RM2.3 juta kepada 658 penerima layak, manakala bagi siri 2 pula melibatkan perbelanjaan sebanyak RM28.7 juta kepada 107,534 penerima. Bagi Bantuan Tunai Ihsan Johor, sejumlah RM11.199 juta telah dibelanjakan untuk seramai 41,565 penerima.

Perbelanjaan bagi Pihak Berkuasa Tempatan berjumlah RM20.755 juta kepada 78,095 penerima, manakala perbelanjaan MAINJ pula adalah sebanyak RM3.6 juta untuk 26,397 penerima.

Jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan bagi usaha membantu rakyat Johor menghadapi pandemik COVID-19 ini bernilai RM66.566 juta kepada 254,249 penerima.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Sementara itu, kerajaan negeri turut merangka beberapa strategi mendepani pasca COVID-19. Kita sedar bahawa kita tidak boleh hanya mengharapkan peruntukan belanjawan daripada kerajaan negeri. Johor memerlukan tujahan baharu bagi memulihkan ekonomi negeri Johor, sama ada penyelesaian jangka pendek, sederhana dan panjang.

Rentetan itu, saya mengumumkan 7 Ikhtiar Makmur Johor yang merupakan pelan keluar (*exit plan*) mengeluarkan negeri Johor daripada belenggu COVID-19.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 82 (A68)**

Berapakah pencerobohan haram sepanjang pantai dalam kawasan DUN Tanjung Surat sejak PKP dilancarkan pada 18.03.2020 hingga sekarang?.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Tanjung Surat**, pendudukan secara tidak sah (pencerobohan) di atas tanah Kerajaan merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 425 KTN 1965.

Tanah Kerajaan hendaklah termasuk semua tanah yang dipegang oleh atau bagi pihak kerajaan Persekutuan atau Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Berkanun yang menjalankan kuasa yang terletak hak kepadanya oleh undang-undang Persekutuan atau Negeri.

Di samping itu, bagi mana-mana kes pendudukan tidak sah (pencerobohan), Pentadbir Tanah Daerah dibenarkan untuk mengeluarkan satu notis tindakan pencerobohan di bawah Seksyen 425 KTN 1965, untuk satu tempoh tertentu bagi tindakan mengosongkan tanah yang di ceroboh dan tindakan perobohan bangunan yang dibina dilaksanakan secepat mungkin.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada 1 Julai 2015 telah mengambil keputusan **BERSETUJU** supaya tanah-tanah lapisan pertama di persisiran pantai tidak dikurniakan kepada mana-mana individu dan hendaklah dirizabkan untuk pembangunan akan datang.

Kewajaran untuk tidak dikurniakan tanah-tanah lapisan pertama di persisiran pantai supaya ianya tidak menjadi halangan apabila kerajaan bercadang untuk membangunkan tanah-tanah tersebut sebagai kawasan rekreasi. Keputusan ini hendaklah dipatuhi oleh Pentadbir Tanah dalam meneliti dan memproses setiap permohonan yang diterima.

Untuk makluman **Yang Berhormat Tanjung Surat**, Pentadbiran Tanah Johor telah melaksanakan bancian pada bulan September 2019 bagi mendapatkan maklumat terperinci berkaitan pendudukan tidak sah di kawasan persisiran pantai tersebut.

Pada Oktober 2019, Pentadbiran Tanah Johor juga telah mengeluarkan notis di bawah Seksyen 425 KTN 1965 bagi memudahkan urusan bancian berkenaan. *Engagement* bersama pihak-pihak berkaitan juga telah dilaksanakan pada November 2019 di Kompleks Penghulu Mukim Pengerang. Hasil daripada siasatan, bancian dan juga *engagement* yang telah dilaksanakan, pendudukan tidak sah di kawasan persisiran pantai ini boleh dikategorikan sebagaimana berikut:

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Pertama, pendudukan tidak sah lama yang dianggarkan bermula dari tahun 1970-an sehingga kini, di mana terdapat sebanyak 11 buah rumah kediaman yang didiami oleh penduduk asal dan sebahagian lagi diduduki oleh waris.

Kedua, pendudukan tidak sah baharu yang dianggarkan bermula dari tahun 2000 sehingga kini. Terdapat 3 buah rumah berserta gerai makan, 13 buah gerai makan/gerai buah, 1 buah tempat cuci kereta, 2 buah stor nelayan/stor ikan dan 1 buah Rumah Ibadat Bukan Islam (Tokong).

Jumlah keseluruhan plot yang terlibat adalah 31 plot dengan keluasan dianggarkan berjumlah 1.354 hektar (3.345 ekar).

Kawasan yang dimaksudkan merupakan Rizab Pantai dan Rizab Jalan, terletak di Mukim Pantai Timur, Daerah Kota Tinggi, berada di sepanjang jalan utama di sebelah kiri jalan persisiran Pantai Sungai Rengit, bahagian timur kawasan dimaksudkan adalah Selat Singapura dan berada di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Pengerang (MPP).

Sebagai jalan penyelesaian, Pejabat Tanah Daerah (K) Pengerang telah mengemukakan permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) bagi 31 plot ini kepada Pejabat Tanah Dan Galian Johor pada Januari 2020.

Walau bagaimanapun, permohonan LPS ini telah dibuat Penolakan Ringkas (*Summary Rejection*) sebagaimana Peraturan 3 Kaedah-Kaedah Tanah Johor (2004) dan surat arahan Penolakan Ringkas oleh Pentadbir Tanah bertarikh 16 April 2008.

Ketetapan berikut diambil berlandaskan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada 1 Julai 2015, yang telah mengambil keputusan **BERSETUJU** supaya tanah-tanah lapisan pertama di persisiran pantai tidak dikurniakan kepada mana-mana individu dan hendaklah dirizabkan untuk pembangunan akan datang.

Oleh yang demikian, kerjasama semua pihak dalam usaha membanteras pendudukan tidak sah ini amat dialu-alukan.

Pentadbir Tanah Daerah (K) Pengerang juga telah mengadakan *engagement* mengenai pembangunan persisiran pantai Sungai Rengit ini bersama Majlis Perbandaran Pengerang (MPP) pada 2 Ogos 2020. Antara rancangan MPP adalah melalui Pelan Pembangunan Pesisir Sungai Rengit dengan pembinaan *Pengerang Walk* di sebelah kiri sepanjang jalan utama Sungai Rengit. Status semasa Pelan Pembangunan Pesisir Sungai Rengit tersebut kini di peringkat memuktamadkan reka bentuk akhir. Selain itu, Pentadbir Tanah Daerah (K) Pengerang bersama Majlis Perbandaran Pengerang (MPP) juga telah menyelaras pembangunan Rancangan Kawasan Khas (RKK) di sebelah kanan jalan sepanjang jalan utama Sungai Rengit. *Kick off* akan dilaksanakan pada bulan Disember 2020 bagi tujuan pembangunan Pengindahan dan Rekreasi 2022-2023.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 83 (A95)**

Selain meletakkan semua kontraktor bawah Johor Centre for Construction Development (JCCD) untuk dipantau demi memastikan kontraktor yang tidak bermutu disenaraihitamkan, bagaimanakah syarikat penasihat dan syarikat kejuruteraan C&S projek kerajaan turut dapat dipantau?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada **Yang Berhormat Mengkibol** berkaitan *Johor Centre for Construction Development (JCCD)*.

Untuk makluman **Yang Berhormat Mengkibol** serta ahli dewan yang mulia, Johor Centre for Construction Development (JCCD) ditubuhkan sebagai salah satu anak Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan telah diberi mandat bagi membantu membangunkan program serta memantau kompetensi kontraktor di negeri Johor.

Ini bertujuan untuk memastikan agar kontraktor tempatan dapat mengambil peluang dan pendedahan untuk turut sama terlibat di dalam beberapa projek mega yang terdapat di negeri ini selain memastikan kualiti dan mutu kerja bagi projek-projek Kerajaan Negeri Johor dapat mencapai tahap yang optimum.

Bagi memastikan kontraktor tempatan dapat melaksanakan projek dengan mencapai kualiti kerja yang ditetapkan, pihak kerajaan melalui JCCD telah melaksanakan beberapa program transformasi pembangunan kontraktor di mana satu mekanisme pemantauan prestasi dan kompetensi kontraktor telah diperkenalkan dan dibangunkan melalui pendaftaran Sijil Kontraktor Johor.

Melalui pendaftaran tersebut, pihak JCCD akan dapat mengenal pasti kelayakan teknikal, modal berbayar, pengalaman kerja dan lain-lain kriteria yang akhirnya akan dinilai melalui sistem penarafan dan skoring kepada kontraktor terbabit.

Setiap kontraktor yang berdaftar akan mempunyai nombor pengenalan syarikat melalui SCORECARD masing-masing.

Secara tidak langsung, ianya akan mewujudkan persaingan sihat di antara kontraktor berdasarkan merit yang diperolehi melalui ranking tersebut dan mekanisme ini akan di ambil kira sebagai salah satu faktor bagi penganugerahan sesuatu projek.

Manakala, bagi kontraktor yang gagal atau tidak mencapai piawaian standard yang telah ditentukan, pihak JCCD akan memastikan mereka yang berada di dalam kategori ini akan diberikan pendedahan kerja dengan skala yang kecil terlebih dahulu sebelum mereka layak untuk menjalankan kerja yang berskala besar.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Untuk makluman dewan yang mulia, ketetapan standard ini tidak hanya tertumpu kepada kontraktor sahaja, ianya merangkumi ke semua syarikat yang terlibat di dalam industri pembinaan di negeri Johor termasuklah syarikat perunding kejuruteraan, syarikat perunding Ukur Bahan, firma arkitek serta pembekal bahan-bahan binaan di negeri ini.

Kesimpulannya, penarafan dan ranking ini akhirnya akan meletakkan pemain-pemain industri pembinaan yang berpotensi dan berkeelayakan di negeri Johor ini dapat di ketengahkan dan bersaing secara sihat serta dapat turut sama membantu Kerajaan Negeri merencanakan projek-projek pembangunan di negeri Johor ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 84 (A107)**

Adakah kadar kepantasan internet, cakupan internet dan perkara-perkara asas digital lain akan dinaik taraf dalam Johor Digital Masterplan? Dan, siapakah pemegang taruh dalam Johor Digital Masterplan dalam Tujuh Ikhtiar Makmur Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Penawar**, menerusi kajian Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030, kerajaan negeri telah mengenal pasti digital sebagai salah satu dari pemacu pertumbuhan ekonomi negeri Johor antaranya penekanan terhadap revolusi IR 4.0 sektor pembuatan, inisiatif pembangunan *smart city*, keusahawanan, pertanian moden dan lain-lain lagi selain membantu transformasi tadbir urus kerajaan menerusi pengurusan data dan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kepada rakyat dan pihak berkepentingan.

Sehubungan dengan itu, penyediaan Johor Digital Masterplan ini disediakan dengan justifikasi sebagaimana berikut:

Pertama, mengenal pasti dan menyelaras semua inisiatif digital Johor yang sedia ada dan dalam perancangan, termasuk inisiatif digital di peringkat kerajaan merangkumi inisiatif di peringkat persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan syarikat swasta.

Kedua, menganalisa senario dan isu berkaitan sektor digital di negeri Johor serta potensi sektor digital terhadap pertumbuhan ekonomi negeri Johor selain perancangan bagi mewujudkan ekosistem ekonomi berasaskan digital;

Ketiga, menilai tahap ketersediaan infrastruktur, kandungan dan komunikasi serta penyertaan digital di kalangan pihak-pihak berkepentingan termasuk masyarakat.

Keempat, mereka bentuk metrik pengukuran tahap pendigitalan Johor berasaskan penanda aras kompetitif dan terbaik di peringkat antarabangsa.

Kelima, menyediakan hala tuju penerapan digital dengan struktur tadbir urus yang jelas dengan meningkatkan bentuk kerjasama di antara kerajaan dan pihak swasta.

Keenam, mengenal pasti bidang-bidang dan inisiatif-inisiatif digital untuk diberi tumpuan dan dilaksanakan di negeri Johor termasuk transformasi dalam sektor kerajaan, pemerkasaan industri dan pembudayaan di kalangan masyarakat menerusi kerangka dasar dan polisi yang menyokong aplikasi digital di negeri Johor.

Untuk makluman **Ahli-Ahli Yang Berhormat**, Kajian ini masih di peringkat awal penyediaan dan disasarkan untuk dimuktamadkan pada suku pertama 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Pelaksanaan yang digariskan menerusi dokumen ini akan digerakkan dan diselaraskan menerusi Majlis Digital Johor yang telah dipersetujui penubuhannya baru-baru ini.

Majlis ini dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar dan turut dianggotai oleh jabatan kerajaan dan pihak-pihak yang mempunyai kepakaran di dalam bidang digital, teknologi dan telekomunikasi di dalam merangka perancangan strategik bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri Johor, transformasi perkhidmatan kerajaan dan pembudayaan digital dan teknologi di kalangan masyarakat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 85 (A108)**

Adakah Jajaran Ekonomi Baharu di Pantai Barat Johor masih lagi relevan dan tidakkah ia menganaktirikan kawasan lain di Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Penawar**, pelan Jajaran Ekonomi Baharu yang merupakan salah satu ikhtiar di bawah 7 Ikhtiar Makmur Johor akan membangunkan semula potensi ekonomi di kawasan pantai barat negeri Johor, susulan daripada pembangunan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur – Singapura dan stesen-stesenya yang melalui tiga daerah, iaitu Muar, Batu Pahat dan Pontian.

Jika kita tidak bertindak sekarang, kawasan atau nodus-nodus pembangunan berdekatan jajaran ini akan mengalami kerugian dan potensi kemajuan tidak dapat dimaksimumkan.

Apabila projek ini siap, pelbagai limpahan ekonomi akan turut dinikmati oleh penggiat-penggiat industri hiliran dan penduduk-penduduk di kawasan persekitaran jajaran tersebut.

Oleh itu, mengikut perspektif semasa Jajaran Ekonomi Baharu di Pantai Barat ini amat relevan untuk dibangunkan di direjuvenasikan semula.

Antara penerima manfaat yang bakal menikmati pembangunan ini adalah perusahaan perniagaan seperti penghantaran (*e-hailing*), termasuk Grab, Lazada, Shopee dan lain-lain aktiviti yang berasaskan *Gig Economy*.

Aplikasi elektronik ini memberi banyak pilihan kepada pengguna untuk membuat tempahan pengangkutan, penghantaran makanan dan sebagainya di samping kemudahan infrastruktur telekomunikasi yang sentiasa ditambah baik dari masa ke semasa.

Kita tidak mahu kemajuan hanya di kecapai oleh Bandar Malaysia dan Iskandar Malaysia sahaja, hanya kerana penumpang atau pengguna hanya melalui (dengan izin *pass by*) dari dua lokasi ini.

Menyentuh soal pembangunan ini akan menganaktirikan kawasan lain di Johor seperti mana yang dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Penawar**, suka saya jelaskan di sini bahawa kesinambungan daripada pembangunan kluster ekonomi berdasarkan kebitaraan daerah digarap daripada Pelan Pertumbuhan Strategik Johor, kerajaan negeri akan menerajui pembangunan ekonomi berdasarkan pembangunan berasaskan wilayah menerusi Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030 (PPMJ).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Menerusi PPMJ, keunikan dan kekuatan daerah di Johor telah dikenal pasti dan tumpuan seterusnya diberikan kepada sektor ekonomi masing-masing. Dengan ini, manfaatnya dapat dioptimumkan untuk meningkatkan daya saing dan ketahanan (*resilient*) setiap daerah.

Melalui strategi pembangunan merentas daerah, penggunaan sumber secara optimum dan peningkatan faedah ekonomi berdasarkan konsep skala ekonomi yang melalui aktiviti berskala lebih besar boleh diperolehi.

Kita boleh lihat, di zon wilayah utara, iaitu daerah Segamat, Tangkak dan Muar, pertanian merupakan aktiviti ekonomi teras yang merentasi tiga daerah tersebut, di mana program atau inisiatif untuk meningkatkan kualiti serta produktiviti tiga daerah itu boleh digerakkan pada skala lebih besar dengan kos lebih rendah, sekali gus meningkatkan nilai tambah.

Jelas sekali pendekatan Jajaran Ekonomi Baharu ini bakal memberi limpahan kepada kesemua 10 daerah di negeri Johor tanpa akan ada yang tercicir dalam pembangunan yang dirancang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 86 (A122)**

Terdapat syarikat yang tidak mendapat kebenaran dari Kerajaan Tempatan, mencerooboh tanah kerajaan untuk pemasangan pencawang telekomunikasi. Adakah kerajaan maklum tentang perkara ini, dan apakah tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap syarikat-syarikat ini, khasnya di kawasan-kawasan tanah lapang dan juga taman rekreasi?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Bagi makluman **Yang Berhormat Penggaram**, Pentadbiran Tanah Johor sentiasa bertindak responsif dalam menyelesaikan masalah berkaitan pendudukan pencawang telekomunikasi yang telah sedia ada dibina di atas tanah-tanah rizab kerajaan dan juga tanah-tanah berhakmilik melalui tindakan pemutihan.

Di antara langkah-langkah proaktif yang telah dilaksanakan bagi tanah-tanah berhakmilik di bawah kategori pertanian, Pentadbiran Tanah Johor telah menggunakan Pekeliling PTG Bil. 3/2006 dengan meluluskan dan mengeluarkan Permit Khas di bawah Seksyen 115(4)(f)(g) Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 secara *Blanket Approval* pada 5 Julai 2007 ke atas 401 plot tanah di seluruh Negeri Johor.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di mesyuaratnya pada 15 Januari 2020 telah **BERSETUJU** memberikan kelulusan *Blanket Approval* Lesen Pendudukan Sementara (LPS) selama 1 tahun ke atas 391 tapak yang telah dibina infrastruktur telekomunikasi di seluruh Negeri Johor.

Manakala, bagi permohonan baharu hendaklah mengikut proses sedia ada mengikut perundangan yang berkuat kuasa.

Bagi 391 tapak yang telah ada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bertarikh 15.1.2020 tersebut, 14 tapak daripadanya berada di daerah Batu Pahat. Tapak-tapak yang dimaksudkan ini berada di Mukim Minyak Beku, Mukim Simpang Kanan, Mukim Sri Medan dan Mukim Tg. Sembrong serta merupakan Rizab Kawasan Lapang di bawah seliaan Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Binaan Menara Telekomunikasi ini telah sedia ada di kawasan berkenaan bermula dari tahun 2008 sehingga kini dan pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) telah menerima bayaran bulanan dan juga tahunan yang terdiri daripada fi kebenaran merancang berjumlah RM5,100.00 setahun, fi permit sementara berjumlah RM 1,010.00 setahun dan bayaran sewa secara bulanan lingkungan RM1,000 – RM2,500 sebulan bagi setiap tapak berkenaan.

Untuk makluman dewan yang mulia, pendudukan secara tidak sah (penceroobohan) atas tanah Kerajaan merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 425 KTN 1965.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Tanah Kerajaan hendaklah termasuk semua tanah yang dipegang oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Negeri, suatu pihak berkuasa tempatan atau suatu pihak berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa yang terletak hak kepadanya oleh undang-undang Persekutuan atau Negeri.

Di samping itu, bagi mana-mana kes pendudukan tidak sah (pencerobohan), Pentadbir Tanah Daerah boleh mengeluarkan satu notis tindakan pencerobohan di bawah Seksyen 425 KTN 1965, untuk satu tempoh tertentu bagi tindakan mengosongkan tanah yang di ceroboh dan tindakan perobohan bangunan yang dibina dilaksanakan secepat mungkin.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN 87 (A138)**

Berapakah hasil kutipan cukai tanah negeri Johor pada tahun 2019 dan anggaran hasil cukai tanah pada tahun 2020 serta jumlah cukai tanah yang telah berjaya dipungut setakat bulan Ogos 2020?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Pekan Nanas**, hasil terimaan cukai tanah semasa bagi negeri Johor pada **tahun 2019** adalah berjumlah **RM367,936,864.07**.

Manakala jangkaan terimaan cukai tanah semasa negeri Johor adalah sebanyak **RM598,548,000.00** pada tahun 2020.

Jumlah terimaan cukai tanah semasa **sehingga 30 Ogos 2020** adalah sebanyak **RM 412,925,341.44**

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)
SOALAN 88 (A147)**

Berapa banyak sumbangan kerajaan persekutuan dalam melaksanakan pembangunan dan bantuan-bantuan kewangan lain untuk negeri Johor dalam tahun 2019-2020?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman dewan yang mulia, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan sebanyak RM10 juta bagi projek/program berskala kecil di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Bagi Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA), Projek Infrastruktur Asas (PIAS) dan Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI) 2020 Negeri Johor kepada seluruh Pejabat-Pejabat Daerah dan beberapa Pihak berkuasa Tempatan dengan melibatkan sebanyak 160 buah projek.

Untuk makluman **YB Kempas**, Kerajaan Persekutuan sentiasa bersama-sama Kerajaan Negeri membangunkan kemudahan, infrastruktur dan bantuan kewangan bagi semua negeri di Malaysia berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Bagi peruntukan pembangunan di negeri Johor, sebanyak **475 program/ projek** melibatkan siling peruntukan *Rolling Plan* Keempat (RP4) Tahun 2020 bernilai **RM4.74 bilion** dengan jumlah peruntukan tahun 2020 sebanyak **RM2.18 bilion** yang melibatkan 19 Kementerian. Prestasi perbelanjaan kemajuan projek pembangunan negeri Johor sehingga 31 Ogos 2020 berjumlah **RM1.67 bilion (76.49%)**. Pencapaian prestasi ini merekodkan negeri Johor berada di tempat pertama dengan **19.94%** lebih tinggi berbanding pencapaian purata nasional (**56.55%**).

Semua projek ini sekarang berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan seperti berikut:

- (a) Belum Mula (BM) : 131 projek (27.58%)
- (b) Dalam Pelaksanaan (DP) : 135 projek (28.42%)
- (c) Sudah Siap (SS) : 205 projek (43.16%)
- (d) Simpan Perhatian (SP) : 2 projek (0.42%)
- (e) Batal : 2 projek (0.42%)

Bagi negeri Johor, Kerajaan Persekutuan juga telah menyalurkan **Peruntukan Khas** bagi tahun 2019-2020 berjumlah **RM293 juta** yang melibatkan **7,124 projek**.

Peruntukan Khas ini bagi melaksanakan projek-projek kecil termasuk membaik pulih bangunan dan kemudahan awam, penyelenggaraan infrastruktur awam, membaik pulih jalan dan lain-lain.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Kerajaan Persekutuan juga telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (**PRIHATIN**) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (**PENJANA**) yang keseluruhannya berjumlah **RM295 bilion**.

Daripada jumlah tersebut, sebagaimana dilaporkan oleh Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA), Kementerian Kewangan kepada Kerajaan Negeri pada 27 Julai 2020 yang lalu, sebanyak **RM8 bilion (3%)** telah diagihkan bagi memperkasa rakyat, melonjakkan perniagaan dan merangsang ekonomi negeri Johor.

Kerajaan negeri akan terus mempertingkatkan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan berdasarkan keperluan pembangunan negeri Johor di samping pencapaian prestasi yang cemerlang dalam meningkatkan pendapatan negara, untuk memastikan permohonan bagi penyenaaran senarai keutamaan negeri Johor dipertimbangkan dalam **Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025**. Menurut maklumat daripada Perbendaharaan Negeri Johor (PNJ), Berdasarkan Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan (Bahagian VII-- Peruntukan Kewangan), Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun akan menyalurkan pemberian kepada Kerajaan Negeri yang dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan. Antaranya adalah seperti Pemberian Mengikut Ramai Penduduk, Pemberian Pertambahan Hasil, Pemberian 50 Peratus Kos Pengurusan Jabatan Negeri, Pemberian Kos Perkhidmatan Di Atas Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan, Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya, Bayaran Kenderaan Luar Negara Yang Memasuki Malaysia Melalui Jalan Darat dan Pemberian Pelancongan.

Manakala pemberian yang dimasukkan dalam Kumpulan Wang Pembangunan pula adalah Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup.

Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri telah menerima pemberian keseluruhan berjumlah RM224.27 juta. Manakala pada tahun 2020 sehingga 31 Ogos, Kerajaan Negeri telah menerima sejumlah RM160.86 juta. Butiran pemberian adalah sebagai mana berikut:

Bil	Butiran	2019 (RM)	2020 (RM) *Sehingga 31 Ogos
AKAUN HASIL DISATUKAN (A)			
1	Pemberian Mengikut Ramai Penduduk	47,409,540.00	47,826,780.00
2	Pemberian Pertambahan Hasil	16,368,430.00	0.00
3	Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri	58,361,491.39	58,437,423.44
4	Pemberian Kos Perkhidmatan Di Atas Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan	39,209,987.00	33,648,104.00

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

5	Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya	5,000,000.00	0.00
6	Bayaran Kenderaan Luar Negara Yang Memasuki Malaysia Melalui Jalan Darat	27,909,650.00	12,550,830.00
7	Pemberian Pelancongan	7,990,140.00	8,395,797.00
JUMLAH		202,249,238.39	160,858,934.44
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (B)			
8	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup	22,019,000.00	22,019,000.00
JUMLAH		22,019,000.00	22,019,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (A + B)		224,268,238.39	182,877,934.44

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)
SOALAN 89 (A149)**

Apakah langkah kerajaan terhadap GLC (syarikat kepunyaan kerajaan Johor) yang tidak proaktif dan mengalami kerugian berterusan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Bagi menjawab soalan daripada YB **Kempas**, Kerajaan Negeri Johor telah mengambil langkah mewujudkan satu bahagian Analisa dan Pengurusan Strategik di bawah Perbendaharaan Negeri Johor (PNJ) bagi tujuan pemantauan secara khusus kepada Badan Berkanun Negeri (BBN), GLC dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Selain pemantauan, bahagian ini juga akan berperanan memastikan BBN, GLC dan PBT untuk terus menjadi sebahagian daripada agen pembangunan negeri bersama-sama dengan jabatan kerajaan dan pihak swasta sebagaimana maksud asal penubuhan syarikat-syarikat tersebut.

Sehubungan itu, satu lagi usaha positif oleh Kerajaan Negeri melalui PNJ dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) kini sedang berada di dalam tindakan bagi menyusun semula hala tuju GLC melalui Program Transformasi (Penstrukturan Semula) GLC.

Program berkenaan bertujuan mengkaji serta memperkasa GLC negeri supaya dapat meningkatkan kecekapan pengurusan modal, memantapkan pengurusan modal insan, meningkatkan prestasi pengurusan dan melonjakkan keberhasilan operasi, selain berdaya saing dalam pembangunan global tanpa tersasar dari matlamat asal penubuhan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 90 (A173)**

Sila nyatakan bilangan rakyat yang merentasi Tambak Johor dan Link-kedua dari Singapura mengikut bulan semasa Perintah Kawalan Pergerakan sejak 18 Mac dan jelaskan sinergi kerjasama di antara Kerajaan Negeri Johor dan Pemerintah Singapura dalam menangani penularan CoVid-19?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Johor Jaya**, jumlah warganegara yang masuk melalui Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) dari Singapura sejak 18 Mac 2020 hingga 31 Ogos 2020 adalah seramai 432,026 orang.

Daripada jumlah itu, seramai 206,748 melakukan perjalanan daripada Bangunan Sultan Iskandar, manakala bakinya, seramai 225,278 orang melakukan perjalanan daripada Kompleks Sultan Abu Bakar.

Pecahan bilangan rakyat yang merentasi BSI dan KSAB dari Singapura adalah seperti berikut, Mac 31,118; April 73,012; Mei 67,089; Jun 76,483; Julai 90,868 dan Ogos 93,456,

Jabatan Imigresen Negeri Johor turut meningkatkan tahap kawalan dan langkah pencegahan bagi membendung wabak Covid-19 di Pintu Masuk adalah seperti berikut:

- 1.1 Memastikan hanya individu dan kategori yang layak kemasukan sahaja dibenarkan merentasi sempadan kedua-dua negara.
- 1.2 Pegawai Jabatan Imigresen Negeri Johor di Pintu Masuk telah diberi penerangan dan taklimat dari Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan SOP dan kawalan keselamatan yang perlu dipatuhi setiap masa.

Bagi menjawab soalan berbangkit berkenaan sinergi kerjasama di antara Kerajaan Negeri Johor dan Pemerintah Singapura dalam menangani penularan COVID-19, saya jelaskan bahawa di peringkat persekutuan, Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk meneruskan beberapa kerjasama dalam usaha menangani cabaran bersama yang dihadapi daripada pandemik COVID-19 melalui beberapa Kementerian seperti Kementerian Luar, Kementerian Kesihatan dan lain-lain.

Satu Jawatankuasa Kerja Khas Singapura - Malaysia berkaitan COVID-19 telah dibentuk dan dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Kanan merangkap Menteri Penyelaras Bagi Keselamatan Negara Singapura, Teo Chee Hean bersama Menteri Kanan (Keselamatan) yang juga Menteri Pertahanan Malaysia, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Di samping itu, usaha Kementerian Kesihatan kedua-dua negara mengetuai Kumpulan Kerja Bersama yang kerap bertukar-tukar maklumat terkini dan membincangkan mengenai protokol kesihatan untuk kepentingan bersama.

Sehingga kini, beberapa inisiatif dua hala dapat dicapai kedua-dua pihak, termasuk projek ekonomi berskala besar dan pergerakan rakyat merentas sempadan melalui skim RGL dan PCA.

Dengan adanya sinergi antara Malaysia dan Singapura ini dapat terus memastikan penularan COVID-19 dapat dibendung yang akan membolehkan kedua-dua pihak mengembalikan interaksi antara rakyat dan pertukaran ekonomi secara progresif.

Usaha kerjasama dua hala yang lebih besar dapat terus dilaksanakan termasuk dapat meneruskan perbincangan mengenai projek dua hala lain seperti *Rapid Transit System* (RTS) Johor Bahru - Singapura yang telah disempurnakan dengan upacara bersejarah di tengah-tengah Tambak Johor pada 30 Julai lalu.

COVID-19 bukan ujian pertama dan ia bukanlah yang terakhir, untuk kedua-dua negara. Tindakan secara kolektif yang ambil menunjukkan semangat positif kerjasama dua hala dan membuktikan bagaimana kedua negara boleh mencapai lebih banyak kemajuan dengan berganding bahu antara satu sama lain.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 91 (A179)**

Nyatakan projek-projek dan peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan lalu yang akan diteruskan kerajaan sekarang serta projek-projek dan peruntukan yang dibatalkan kerajaan sekarang beserta sebab-sebab pembatalan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **YB Maharani**, semua projek Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan ataupun negeri dilaksanakan setelah dikaji, ditimbang dan diperhalusi dengan teliti oleh pelbagai pihak berdasarkan keutamaan. Pastinya ia berdasarkan keupayaan kewangan semasa.

Sehingga 31 Ogos 2020, sebanyak **475 program/ projek** dengan peruntukan berjumlah **RM2.18 bilion** telah diluluskan bagi Negeri Johor. Daripada jumlah itu, terdapat **dua (2) projek batal** yang disenaraikan dalam Sistem Pemantauan Projek (SPPII), iaitu:

- (i) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Muar Fasa II: Sungai Siput dan Sungai Legeh, Johor; dan
- (ii) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Batu Pahat Fasa 1, Daerah Batu Pahat, Johor

Bagi kedua-dua projek RTB yang disenaraikan, projek ini dibatalkan kerana tidak diperakukan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Walau bagaimanapun, kedua-dua projek ini telah dimohon semula dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk diperakukan semula.

Untuk makluman, Pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020 misalnya terganggu kelancarannya ekoran perubahan landskap politik pasca Pilihan raya Umum Keempat Belas (PRU14).

Kerajaan lalu melalui Kementerian Kewangan (MOF) pada **17 Mei 2018** dan **29 Jun 2018** telah mengeluarkan arahan berkaitan Perolehan Kerajaan dan segala urusan yang berkaitan dengannya. Ini melibatkan:

- (a) **Tender Terbuka**: semua perolehan Kerajaan secara Tender Terbuka yang telah diproses sebelum 17 Mei 2018 hendaklah **dibatalkan**.

Tender Terbuka tersebut hanya boleh dipelawa semula setelah agensi membuat penilaian keutamaan (*prioritise*) perolehan dengan merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) serta mengendalikan sesi libat urus dengan Pejabat Belanjawan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Negara, Kementerian Kewangan (MOF). Pengesahan bertulis daripada EPU dan/ atau MOF perlu diperolehi sebelum Tender Terbuka dipelawa semula.

(b) **Tender Terhad**: semua perolehan Kerajaan secara Tender Terhad yang telah diproses sebelum 17 Mei 2018 hendaklah **dibatalkan**.

Perolehan tersebut hendaklah dipelawa secara Tender Terbuka atau secara Tender Terbuka Pra-kelayakan. Tender Terbuka tersebut hanya boleh dipelawa setelah agensi membuat penilaian keutamaan (*prioritise*) perolehan dengan merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) serta mengendalikan sesi libat urus dengan Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan (MOF). Pengesahan bertulis daripada EPU dan/ atau MOF perlu diperolehi sebelum Tender Terbuka dipelawa.

(c) **Rundingan Terus**: semua perolehan Kerajaan secara Rundingan Terus yang telah diproses sebelum 17 Mei 2018 hendaklah **dibatalkan**.

Semua Rundingan Terus yang telah diluluskan oleh MOF dan belum dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) juga dibatalkan. Agensi hendaklah mempelawa Tender Terbuka setelah agensi membuat penilaian keutamaan (*prioritise*) perolehan dengan merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) serta mengendalikan sesi libat urus dengan Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan (MOF). Pengesahan bertulis daripada EPU dan/ atau MOF perlu diperolehi sebelum Tender Terbuka dipelawa.

Untuk makluman dewan yang mulia, semua perolehan Kerajaan melibatkan bekalan, perkhidmatan dan kerja sama ada Tender Terbuka, Tender Terhad dan Rundingan Terus yang telah diputuskan tetapi belum dikeluarkan SST, pelaksanaan keputusannya adalah **terbatal**.

Perolehan tersebut boleh di tender semula secara Tender Terbuka setelah agensi membuat penilaian keutamaan (*prioritise*) perolehan dengan merujuk kepada EPU serta mengadakan sesi libat urus dengan MOF.

Pengesahan bertulis daripada EPU dan/atau MOF perlu diperolehi sebelum Tender Terbuka dipelawa.

Perkara ini perlu saya jelaskan bagi menangkis tohmahan bahawa Kerajaan sekarang membatalkan projek-projek yang telah diluluskan. Segala proses dilaksanakan bagi mematuhi tatacara kewangan dan prosedur perolehan yang ditetapkan.

Kerajaan hari ini tidak membatalkan projek tetapi setiap projek dinilai semula mengikut keutamaan dan keupayaan kewangan Kerajaan.

Untuk makluman **Yang Berhormat-Yang Berhormat** sekalian, berdasarkan maklumat daripada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor, sebanyak RM780 juta telah

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

diperuntukkan oleh kerajaan negeri untuk Belanjawan Pembangunan Tahun 2020 dengan melibatkan anggaran projek sebanyak 4,375 projek.

Tetapi negara kita, malah di peringkat dunia sedang berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi global sejak penularan Covid-19 tercetus.

Melalui semakan semula hasil negeri, kerajaan negeri telah melaksanakan penjajaran semula projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan oleh jabatan / agensi pelaksana.

Penjajaran semula ini dilaksanakan bagi memastikan projek-projek pembangunan yang tidak dapat dilaksanakan dapat diagihkan semula dan memberikan keutamaan kepada insentif yang mendesak khususnya bantuan kepada rakyat dan pihak-pihak yang terkesan dengan penularan wabak COVID-19.

Jumlah penjajaran semula projek / program melibatkan penjimatan sebanyak RM123.8 juta serta peruntukan terkini bagi pembangunan 2020 adalah sebanyak RM656.2 juta.

Projek-projek yang dijajarkan semula adalah projek-projek yang melibatkan perhimpunan orang ramai, penganjuran SUKMA dan Tahun Melawat Johor 2020 yang ditangguhkan serta peruntukan tersebut telah dijajarkan kepada projek-projek mendesak yang lain yang diperlukan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 92 (A181)**

Nyatakan statistik terkini isi rumah miskin, B40, M40 dan T20 di negeri Johor ekoran penetapan Had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) nasional kepada RM2,208 dan tindakan kerajaan untuk segera mengemaskini data kategori pendapatan rakyat bagi memastikan segala bantuan menepati golongan sasaran.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Maharani** yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIS & BA) merupakan penyiasatan berkala yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kekerapan dua kali bagi setiap lima tahun.

Tujuan utama survei ini adalah untuk mengumpul maklumat pola taburan pendapatan isi rumah dan mendapatkan statistik terkini berkaitan dengan isi rumah miskin.

HIS merupakan survei secara sampel yang meliputi negeri dan kawasan bandar dan luar bandar. Penemuan survei terkini adalah bagi tahun 2019.

Untuk makluman dewan yang mulia ini, berdasarkan penemuan daripada HIS & BA, kumpulan isi rumah terendah 40% (B40) pada tahun 2019 merangkumi 351.7 ribu isi rumah dengan had pendapatan RM5,399.

Kumpulan pertengahan 40% (M40) melibatkan 351.9 ribu isi rumah dengan had pendapatan di antara RM5,400 hingga RM10,879. Sementara itu, sebanyak 175.7 ribu isi rumah berada di kumpulan Tertinggi 20% (T20) dengan pendapatan RM10,880 dan ke atas.

Untuk makluman **Yang Berhormat Maharani**, berdasarkan metodologi PGK 2019, PGK baharu bagi Negeri Johor adalah **RM2,505** iaitu lebih tinggi berbanding **PGK Nasional RM2,208**. Penetapan PGK ini akan diguna pakai mulai **Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025** dan dijangka akan memberi implikasi ke atas peningkatan bilangan isi rumah Miskin Tegar dan Miskin dalam Sistem eKasih di Negeri Johor.

Insiden kemiskinan mutlak negeri Johor bertambah baik daripada 6.2 peratus pada 2016 kepada 3.9 peratus.

Berdasarkan isi rumah sedia ada yang berdaftar dalam sistem eKasih pada **15 Julai 2020**, jumlah Miskin Tegar, Miskin dan Terkeluar dengan mengambil kira PGK 2019 baharu adalah seperti pecahan berikut.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

KATEGORI	PGK 2016	PGK 2019
Miskin Tegar	223	8,822
Miskin	3,121	9,067
Terkeluar	22,950	8,405
JUMLAH	26,294	26,294

Oleh itu, ICU JPM menjangkakan pendaftaran keluarga miskin akan terus meningkat mengikut penetapan had pendapatan kemiskinan baharu ini.

Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Johor (SDO Johor) akan terus bekerjasama dengan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) serta jentera pelaksanaan sedia ada iaitu *Focus Group* Negeri (FGN) yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Johor dan *Focus Group* Daerah (FGD) dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah di Negeri Johor untuk merancang strategi dan memperluaskan pelaksanaan program pembasmian kepada golongan sasaran antaranya:

Pertama, meningkatkan hubungan kerjasama dengan Pejabat Daerah bagi mengenal pasti isi rumah yang layak untuk didaftarkan dalam Sistem eKasih secara berkala melalui *Focus Group* Daerah;

Kedua, menyelaraskan bantuan bersama Agensi Pemberi Bantuan seperti Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan sebagainya.

Ini merupakan usaha dalam pelaksanaan Program Ekonomi atau Program Peningkatan Pendapatan bagi membantu meningkatkan pendapatan isi rumah menerusi program yang disediakan.

Ketiga, meningkatkan kadar keupayaan isi rumah golongan sasaran untuk memiliki rumah kediaman yang selamat dan selesa untuk didiami; dan

Keempat, memperluaskan program bantuan kepada golongan sasaran yang memerlukan.

Sehubungan itu, di pihak Kerajaan Negeri Johor pula, kerjasama erat akan diteruskan bersama Pejabat Pembangunan Negeri Johor, Jabatan Perangkaan Malaysia dan jentera pelaksanaan sedia ada iaitu *Focus Group* Negeri dan Daerah di Negeri Johor untuk mengenal pasti dan membangunkan satu data lengkap bagi membolehkan program atau bantuan disusun.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

Pendekatan ini adalah bagi memudahkan langkah pelaksanaan dalam merancang strategi, mengenal pasti inisiatif baharu serta memperluaskan pelaksanaan program bantuan menepati golongan sasaran yang memerlukan.

Pengemaskinian data ini akan membolehkan perancangan, pemantauan dan program yang lebih berfokus dapat dilaksanakan bagi merapatkan jurang pendapatan di antara isi rumah di negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 93 (A188)**

Apakah status inisiatif Pelan Anti-Rasuah Kerajaan Johor yang telah dimulakan oleh pentadbiran lalu yang disasarkan akan menjadi rujukan kepada sektor awam di negeri ini untuk mengelakkan sektor awam dicemari dengan isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Maharani**, Pelan Antirasuah Organisasi atau Organization Anti Corruption Plan (OACP) adalah berdasarkan kepada pekeliling Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2 No.1 2019, di mana setiap kerajaan negeri hendaklah membangunkan OACP di peringkat organisasi masing-masing.

Pelan Antirasuah ini adalah panduan dan bimbingan kepada organisasi dalam melaksanakan tugas dan fungsi yang telah diamanahkan. Objektif utama pelan ini adalah mengelakkan sektor awam khususnya di negeri Johor dicemari dengan isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor diberi tugas sebagai urus setia dalam melaksanakan Pelan Anti Rasuah Organisasi Negeri Johor.

Semua pihak berkepentingan seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pentadbiran Daerah, Pentadbiran Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan, badan-badan berkanun dan anak syarikat di bawah kerajaan negeri Johor telah terlibat sama dalam pembangunan Pelan Antirasuah Kerajaan Johor atau *Johor Anti Corruption Plan (JACP)*.

Pelan lima tahun ini akan menjadi satu rujukan dalam menterjemahkan hasrat kerajaan dalam memantapkan dan meningkatkan imej pentadbiran awam khususnya di negeri Johor.

Bengkel penyediaan pelan ini telah diadakan pada 24 hingga 27 November 2019. Semakan draf kali pertama telah diadakan pada 23 hingga 25 Februari 2020 dan semakkan draf kali kedua telah diadakan pada 5 Ogos 2020.

Status terkini pelan adalah di peringkat semakan terakhir dan dijangka akan dilancarkan pada bulan November 2020 bersempena dengan sambutan Bulan Integriti.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 13 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 94 (A189)**

Apakah skop tugas Penyelaras DUN yang dilantik dengan peruntukan diberikan kepada mereka oleh kerajaan negeri sekarang sedangkan peruntukan wajar disalurkan secara efektif dan telus melalui ADUN di setiap kawasan, dan langkah kerajaan memastikan tiada salahguna peruntukan oleh Penyelaras DUN ini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Maharani**, peruntukan yang diberikan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan Khas DUN (JPKD) adalah mengikut Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Jawatankuasa Penyelarasan Khas DUN (JPKD) yang dikeluarkan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri bertarikh 18 November 2019 yang masih berkuat kuasa.

Dalam Garis Panduan ini dinyatakan bahawa, Pegawai Daerah selaku Pegawai Pengawal akan menyelaras penggunaan dan pengurusan peruntukan JPKD tersebut bagi memastikan ianya adalah selari dengan prinsip keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan.